



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
HAJI ARIFF BIN HAJI ABU HASSAN,
PENKISAH SEJARAH TEMPATAN
MENGENAI PERISTIWA PEMBUKAAN KAMPUNG KUBU DEDAP**

**NURIN MUSSALMI BINTI MUHAMMAD SOFIAN
(2022793821)**

**NURUL 'ATHA ADDINA BINTI RAJAH
(2022923937)**

SEMESTER MAC 2023-JULAI 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
HAJI ARIFF BIN HAJI ABU HASSAN,
PENGKISAH SEJARAH TEMPATAN
MENGENAI PERISTIWA PEMBUKAAN KAMPUNG KUBU DEDAP**

NURIN MUSSALMI BINTI MUHAMMAD SOFIAN

(2022793821)

NURUL 'ATHA ADDINA BINTI RAJAH

(2022923937)

**KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK &
MATEMATIK**

SEMESTER MAC 2023-JULAI 2023

ISI KANDUNGAN

| NO | TAJUK | MUKASURAT |
|--|---|-----------|
| Roman Numerals | Abstrak | i |
| | Penghargaan | ii |
| | Senarai Abreviasi | iii |
| | Senarai Singkatan | iv |
| | Rujukan Kata | v |
| 1.0 | Profil Ringkas Penemuduga | |
| | 1.1 Penemuduga Pertama 1.2 Penemuduga Kedua | 1 2 |
| 2.0 | Biodata Tokoh | 3 |
| 3.0 | Sejarah Lisan | |
| | 3.1 Pengenalan | 4 |
| | 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 5 6 |
| 4.0 | Tinjauan Literatur | 7-8 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Tokoh | 9-78 |
| 6.0 | Log Temubual | 79-85 |
| 7.0 | Ralat | 86 |
| 8.0 | Glosari | 87-89 |
| 9.0 | Indeks | 90-91 |
| 10.0 | Bibliografi | 92 |
| 11.0 | Lampiran | |
| | 11.1 Biografi Pengkisah | 93 |
| | 11.2 Surat Perjanjian | 94-95 |
| | 11.3 Senarai Soalan | 96-98 |
| | 11.4 Diari Penyelidikan | 99-101 |
| 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan | 102-106 | |

ABSTRAK: *Transkrip temubual ini adalah berkaitan peristiwa-peristiwa yang pernah terjadi di Segamat terutamanya di Kampung Kubu Dedap. Dokumentasi ini dibuat bagi merekod segala peristiwa yang sudah berlaku bersama Tuan Haji Ariff di kampung tersebut. Tokoh yang dipilih ini adalah disebabkan beliau mengetahui banyak perkara berkaitan sejarah disitu dan memberikan satu penceritaan yang sangat menarik. Beliau juga menceritakan berkaitan hal yang pernah dialami oleh datuk dan juga beliau sendiri ketika era pembangunan masih berlaku. Kampung Kubu Dedap juga pernah menjadi kubu pertahanan oleh panglima dan anak-anak buah ketika perang bersaudara itu berlangsung. Mereka juga membuat kubu-kubu ini berdingkan tanah dan batang pokok dedap. Menurut kajian yang dibuat, batang pokok dedap mempunyai kebaikan. Peperangan yang diceritakan ini berlandaskan pengetahuan beliau sendiri dan beliau bercerita mengenai panglima-panglima yang mencetuskan peperangan ini dek kerana sikap tamak dan iri hati. Selain daripada itu, pendokumentasian ini juga memberitahu berkenaan tinjauan literatur yang dibuat mengenai sejarah lisan dan kepentingannya dalam memelihara sejarah di dalam sebuah negeri itu. Hal ini kerana kemajuan sesebuah tempat itu bergantung kepada sejarah yang pernah dialami dan dijadikan pengajaran bagi membaik pulih seterusnya menaikkan lagi semangat masyarakat masa ini untuk mengetahui sejarah di setiap tempat yang mereka lalui. Peperangan di Kampung Kubu Dedap ini perlu diambil iktibar bak kata pepatah ambil yang jernih, buang yang keruh agar sejarah itu akan terus kekal sejarah dan tidak dialami lagi oleh generasi akan datang.*

Kata Kunci : Kubu Dedap, Segamat, kubu, peperangan, pokok dedap

ABSTRACT: *The transcript of this interview is related to events that have happened in Segamat, especially in Kampung Kubu Dedap. This documentation was made to record all the events that happened with Tuan Haji Ariff in the village. This character was chosen because he knows a lot about the history there and gives a very interesting narration. He also told about things that his grandfather and himself had experienced when the development era was still happening. Kampung Kubu Dedap also used to be a fortress for the commander and his men during the civil war. They also made these forts walled with soil and dedap tree trunks. According to the research done, the stem of the dedap tree has benefits. The war that was told was based on his own knowledge and he told stories about the commanders who triggered this war because of greed and envy. Apart from that, this documentation also tells about the literature review made on oral history and its importance in preserving history in a state. This is because the progress of a place depends on the history that has been experienced and used as a lesson to repair and further raise the spirit of the current community to know the history of every place they pass. The war in Kampung Kubu Dedap needs to be heeded as the saying goes, take what is clear, discard what is cloudy so that history will continue to remain history and not be experienced by future generations.*

Key word : Kubu Dedap, Segamat, fortress, war, dedap tree

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kami ingin memulakan dengan memuji dan bersyukur kepada Allah S.W.T kerana telah memberikan kami keupayaan untuk menyelesaikan tugas ini, yang hanya dapat dilakukan dengan izin-Nya. Tanpa keredhaanNya, kami tidak dapat menempuh perjalanan sejauh ini. Kami sentiasa bertungkus-lumus untuk menghasilkan tugas yang berkualiti dengan komitmen yang sepenuhnya. Oleh itu, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tenaga pengajar kami iaitu Puan Azura kerana tanpa bimbingan beliau, tugas ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Secara konsisten, dia memberi kami bantuan dan arahan tentang cara menyiapkan tugas kami supaya kami boleh mencapai kejayaan. Beliau sangat memberi inspirasi kepada kami untuk mengusahakan tugas ini. Di samping itu, kami menghargai sumbangan kisah dari Tuan Haji Ariff yang sangat membantu kami dalam melaksanakan tugas ini. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dan responden di atas bantuan dan kesudian meluangkan masa bersama kami untuk menyiapkan tugas ini.

SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|-----------|---|
| AET | Aktiviti Ekonomi Tambahan |
| DID | Department of Irrigation and Drainage |
| EPF | Employees' Provident Fund |
| FELCRA | Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority |
| FELDA | Federal Land Development Authority |
| GM | Geran Mukim |
| HM | Headmaster |
| ITM | Institut Teknologi MARA |
| JCS | Johor Civil Servant |
| JKR | Jabatan Kerja Raya Malaysia |
| JMF | Johor Military Forces |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JPS | Jabatan Pengairan dan Saliran |
| LCE | Lower Certificate of Education |
| PHD | Doctor of Philosophy |
| PNB | Permodalan Nasional Berhad |
| PT3 | Pentaksiran Tingkatan Tiga |
| PTD | Pegawai Tadbir Diplomatik |
| PWD | Public Work Department |
| RISDA | Rubber Industry Smallholders' Development Authority |
| SO | Settlement Officer |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SS | Setiausaha Syarikat |
| TM | Telekom Malaysia |
| UITM | Universiti Teknologi MARA |

SENARAI SINGKATAN

NM : Nurin Mussalmi Binti Muhammad Sofian

NAA : Nurul 'Atha Addina Binti Rajah

THA : Tuan Haji Ariff Bin Haji Abu Hassan

RUJUKAN KATA

| | |
|-----------------------|---------------|
| Ambik | Ambil |
| Amenda | Apa benda |
| Bape | Berapa |
| Beranak | Melahirkan |
| Boro-boro | Bodoh-bodoh |
| Camtu | Macam itu |
| Depa/diaorang/diorang | Mereka |
| Ekal | Ekar |
| Engko | Kau |
| Gi | Pergi |
| Je | Sahaja |
| Kat | Dekat |
| Kemari | Datang sini |
| Kendian | Kemudian |
| Kontot | Pendek |
| Nebang | Menebang |
| Nebas | Tebas |
| Nulis | Menulis |
| Omputeh | Orang putih |
| Pastu | Selepas itu |
| Piun | Budak pejabat |
| Rimau | Harimau |
| Sapa | Siapa |
| Sedara | Saudara |
| Tackle | Mengurat |

| | |
|-------------|--------------|
| Tak reti | Tidak pandai |
| Takde | Tiada |
| Taktau | Tidak tahu |
| Tapi | Tetapi |
| Taruh/taruk | Meletakkan |
| Terror | Bagus |

1.0 PROFIL RINGKAS PENEMUDUGA

1.1 Penemuduga Pertama




| | |
|-----------------------|---|
| NAMA : | Nurin Mussalmi Binti Muhammad Sofian |
| TARIKH LAHIR : | 16 Mei 2001 |
| TEMPAT LAHIR : | Klinik Dan Hospital Swasta Batu Pahat |
| ALAMAT : | No.96, Jalan Manis 5, Taman Manis 2, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor. |
| NO TELEFON : | 017-7967012 |
| EMEL : | nurinmussalmi01@gmail.com |
| PROGRAM : | Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Kepujian Pengurusan Rekod (IM246) |

1.2 Penemuduga Kedua



| | |
|-----------------------|---|
| NAMA : | Nurul 'Atha Addina binti Rajah |
| TARIKH LAHIR : | 18 Oktober 2001 |
| TEMPAT LAHIR : | Hospital Sultanah Aminah, Johor |
| ALAMAT : | 26, Jalan Denai 24 Taman Bukit Jaya, 81800, Ulu Tiram, Johor |
| NO TELEFON : | 01111899180 |
| EMEL : | athadina181001@gmail.com |
| PROGRAM : | Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Keahlian Pengurusan Rekod (IM246) |

2.0 BIODATA TOKOH



| | |
|-----------------------|---|
| NAMA : | Tuan Haji Ariff bin Haji Abu Hassan |
| TARIKH LAHIR : | 25.2.1950 |
| TEMPAT LAHIR : | Jementah, Segamat |
| ALAMAT : | TL-3, Kampung Kubu Dedap, 85200 Jementah, Johor |
| NO TELEFON : | 0127115483 |
| EMEL : | Tiada |
| PROFESION : | Petani |

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan ialah sebuah kaedah yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengetahui asal usul sesuatu tempat itu tercipta. Sejarah lisan yang dibuat ini juga dapat membantu para pelajar untuk lebih mempelajari cara berkomunikasi dengan baik dan membuat persoalan untuk para pengkisah menjawab dengan lebih terperinci mengenai kisah atau tajuk yang akan pelajar runkaikan. Pembelajaran seperti ini amat perlu dititikberatkan kerana di dalamnya mempunyai pelbagai ilmu pembelajaran yang pelajar dapat pelajari seperti membuat kajian yang mendalam terhadap sesuatu sejarah dan asal usul sesuatu tempat. Sejarah lisan ini juga adalah satu [roses yang dibuat melalui rakaman audio dan juga video bagi menjadikan bukti sesuatu kajian itu dan di dalam rakaman itu akan ada keterangan pengkisah terhadap kisah yang telah berlaku pada suatu Ketika dahulu.

Selain itu, di dalam kajian ini kita akan mendapati bahawa dengan mengetahui kisah yang berlaku terhadap sesuatu tempat itu, kita akan merasai pelbagai rasa seperti sedih, gerun dan keterujaan diri sendiri untuk mengetahui dengan lebih mendalam kisah atau sejarah yang ada terhadap sesuatu tempat itu. Umum mengetahui bahawa setiap sejarah yang ada disetiap pelosok negara ini seperti tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas kerana kisah-kisah yang telah dialami dan disebarkan akan selalu diingat dan tidak pernah hilang dari segenap ingatan seseorang manusia itu. Oleh yang demikian terdapat banyak sejarah-sejarah tempat yang perlu diterokai pada masa ini. Hal ini kerana generasi akan datang dapat mengetahui dan boleh membayangkan bagaimana peritnya nenek moyang terdahulu mempertahankan tanah mereka daripada ancaman orang lain.

Sejarah lisan yang dibuat ini adalah berkaitan Kampung Kubu Dedap yang berada di daerah Segamat dan ianya merupakan sebuah kampung yang mempunyai pelbagai peristiwa seperti peperangan. Nama Kubu Dedap ini di ambil bersempena batang pokok dedap yang dahulunya digunakan bagi membuat kubu pertahanan semasa berlakunya peperangan. Dedap ini ialah sebuah pohon yang mampu dijadikan perlindungan orang terdahulu dan ia memiliki bunga yang berwarna merah yang tidak berbau. Istimewanya nama dedap ini adalah kerana ia dugunakan juga di dalam satu peribahasa melayu seperti laksana bunga dedap, sungguh merah berbau. Pokok ini juga berfungsi sebagai pagar hidup dan juga sebagai peneduh. Batang pokok ini banyak membantu para pejuang suatu Ketika dahulu Ketika perang bersaudara berlaku,

tetapi pada masa ini pokok ini telah tiada di kampung itu dan terus menjadi kenangan setiap masyarakat yang tahu mengenai sejarah dedap.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Sejarah lisan yang dibuat ini mempunyai objektif ataupun tumpuan yang diberikan akan lebih diberi terhadap 3 aspek ini:

- Untuk mengetahui sejarah Kampung Kubu Dedap.
- Untuk mengetahui keunikan yang ada di kampung tersebut.
- Untuk merungkai setiap perkara penting seperti corak pentadbiran di kampung tersebut.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi memberi generasi akan datang tahu mengenai sejarah di tempat yang mereka duduki. Hal ini kerana setiap sejarah yang ada di setiap tempat perlu diketahui dan dikekalkan sejarahnya bagi menghargai setiap pengorbanan yang telah nenek moyang perjuangkan sehingga kita dapat duduki tanah itu sehingga kini. Sejarah seperti artifak yang masih wujud di suatu tempat itu perlu dipelihara dan dijaga dengan baik agar nilai estetikanya dapat ditunjuk dan dilihat oleh generasi akan datang.

Umum mengetahui setiap kajian yang dibuat mempunyai kepentingan terhadap kita sebagai generasi peneraju negara suatu hari nanti agar sentiasa mengambil tahu akan sejarah yang ada di suatu tempat seperti Kampung Kubu Dedap ini. Kajian yang dilakukan ini juga sedikit sebanyak membantu pelajar untuk mendapatkan gred yang baik terhadap kertas kerja yang dilakukan dan menambahkan lagi cerita dan sejarah yang menarik terhadap seorang pelajar itu. Selain itu, sejarah seharusnya menjadi tonggak utama dalam kalangan masyarakat agar dapat dijadikan teladan dan pengajaran di masa hadapan. Tinggalan sejarah seperti bekas tapak kubu yang dibuat suatu ketika dahulu adalah sumber utama kajian ini dilakukan.

Kajian sejarah lisan yang dibuat mengenai Kampung Kubu Dedap ini dapat memberikan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam kerana ia menceritakan perang saudara yang berlaku kepada penduduk kampung ketika itu. Oleh itu, kita dapat mengetahui bahawa perang bersaudara ini terjadi kerana sikap iri hati yang timbul oleh pembesar terdahulu yang telah menyebabkan beberapa orang terkorban dan cedera. Di kampung itu juga dikatakan corak pentadbiran yang sangat berbeza dari masa ini dek kerana penghulu terdahulu dilantik oleh Sultan Johor manakala sekarang pula dilantik oleh pihak berkuasa tempatan. Di kampung itu juga dapat kita ketahui bahawa ia mempunyai sebuah surau yang kini sudah diubah suai mengikut ketepatan surau pada masa ini. Terlihat sangat mengujakan apabila mengetahui bahawa kepentingan surau terdahulu dan kini acap kali berbeza kerana dahulunya hanya digunakan sekali di bulan Ramadhan dan zaman teknologi serba canggih dan era pemodenan masa ini, surau sentiasa digunakan bagi penduduk kampung untuk beribadah.

Oleh yang demikian, kajian sejarah ini banyak memberi sumbangan terhadap pengetahuan kami dan kajian ini memberikan kepentingan terhadap bidang pengajian ini seterusnya

maklumat ini dapat disumbangkan kepada persatuan sejarah bagi dikekalkan maklumat yang diperolehi ini untuk masa akan datang.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Sejarah lisan terdiri daripada wawancara yang dirakamkan tentang kenangan seseorang individu. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada individu yang boleh menyumbang maklumat sejarah melalui penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, atau kerana hubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Kemudian, data yang diperolehi daripada wawancara disalin dan ditaip, dan salinan ini boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Menurut (Richard, 2005) , sejarah lisan membawa maksud :

“An interview that documents someone's particular memories of historical occurrences. The transcripts, additional documentation, including audio or video recordings that document and are connected to such an interview.”

Menurut (Starr, 1984), yang menyatakan bahawa sejarah lisan adalah kaedah untuk mengumpul maklumat sejarah yang belum dikaji dan dirakam semula. Ia merupakan penerus kepada proses mengumpul data sejarah selepas tradisi penulisan sejarah hilang. Ia dikatakan bermula sejak peristiwa sejarah itu sendiri berlaku. Sejarah lisan biasanya merujuk kepada metadologi, bukannya teori. Walau bagaimanapun, dalam beberapa dekad yang lalu, para sejarawan lisan telah mencipta teori interpretif mengenai ingatan dan subjektiviti, serta struktur naratif yang menyediakan rangka kerja untuk kisah lisan yang telah diceritakan sebelum ini. Pemahaman kita tentang ingatan individu dan kolektif masih jelas dan meningkat, walaupun ia belum wujud dalam konsep teori yang jelas. Walaupun begitu, kebanyakan ahli sejarah terus menganggap sejarah lisan sebagai satu metadologi (Lin, 2020).

Kepentingan sejarah lisan adalah untuk menggantikan rekod yang hilang atau dimusnahkan oleh penjajah seperti Jepun dan British, sejarah lisan adalah penting kerana ia membina semula peristiwa sejarah. Ia amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber bertulis, untuk menambah keterangan sejarah yang telah dicatatkan ke dalam sumber bertulis yang sedia ada, untuk menyelamatkan keterangan sejarah yang akan hilang,

dan sebagai pendorong kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan tentang apa yang telah disediakan dengan sumber lisan (Nadzan, 1979).

Selain itu, ia juga bertanggungjawab untuk membawa sejarah ke dalam masyarakat atau sebaliknya. Oleh kerana informan boleh terdiri daripada orang biasa, bukan daripada golongan elit sahaja, temu bual sejarah lisan memberi peluang kepada orang yang ditemu bual untuk memperoleh perspektif baharu tentang peristiwa bersejarah. Dengan cara ini, ia mempunyai keupayaan untuk meningkatkan harga dan keyakinan diri setiap ahli masyarakat. Seterusnya, ia mempunyai keupayaan untuk membantu mewujudkan persefahaman antara generasi dan antara kelas sosial. (Siti Roudhah, 2012)

Sebagai contoh, di dalam kajian ini kami jadikan Kampung Kubu Dedap sebagai bahan untuk membuat sejarah lisan. Dimana kami boleh mengetahui tentang sejarah pembukaan, gaya hidup zaman dahulu, cara pemerintahan dan sebagainya. Maklumat ini boleh menjadi sumbangan kepada Persatuan Sejarah Segamat memandangkan kisah Kampung Kubu Dedap masih belum diketahui oleh orang ramai. Hal ini dapat memberikan peluang kepada generasi akan datang untuk mengetahui tentang kisah-kisah di kawasan Jementah, Segamat ini.

Walau bagaimanapun, setiap ilmuan dan sejarawan yang menggunakan istilah "sejarah lisan" mesti menyedari bahawa istilah itu mempunyai batasan. Kita boleh melupakan semua kenangan dan pengalaman yang buruk dan pahit. Selain itu, adalah besar kemungkinan bahawa tokoh bersejarah yang mempunyai ingatan yang jelas dan terang tentang peristiwa itu akan kehilangan ingatan itu apabila ia ditemui oleh ahli sejarah lisan. Kita harus menggalakkan penggunaan sejarah lisan (Mohd Amin Hassan, 1974) kerana ia adalah penting untuk memantapkan penulisan dan penyelidikan mana-mana historiografi serta menawarkan pelbagai faedah kepada para ilmuan dan sejarawan.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

NM : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam peristiwa pembukaan Kampung Kubu Dedap. Bersama-sama kami ialah Tuan Haji Ariff bin Haji Abu Hassan yang merupakan seorang petani. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 Jun 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 3:30 petang bertempat di rumah beliau. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nurin Mussalmi Binti Muhammad Sofian dan juga Nurul ‘Atha Addina binti Rajah. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

BAHAGIAN 1

NM: Okay untuk soalan pertama.

THA: Ya.

NM: Saya nak tanya siapakah nama penuh Tuan Haji ?

THA: Oh okay. Nama saya Haji Ariff bin Haji Abu Hassan ya. (bunyi burung berkicauan)

NM: Okay berapa umur Tuan Haji ?

THA: Saya berumur 73 tahunlah. 73.

NM: Okay bilakah tarikh lahir Tuan Haji dan dimana Tuan Haji dilahirkan ?

THA: Saya, tarikh lahir saya ialah 25 haribulan 2 tahun 1950 [25 Februari 1950] di sini di Kampung Kubu Dedap ni.

NM: Okay. Apakah pekerjaan sebenar yang Tuan Haji lakukan ?

THA: Oh saya hanya bekerja kampung, kerja kampung seorang petanilah, senang citer.

NM: Siapakah nama isteri Tuan Haji ?

THA: Nama isteri saya ialah Hajah Aminah binti Osman.

NM: Umphh. Okay Tuan Haji mempunyai berapa orang anak ?

THA: Lima orang anak. Tiga perempuan dua laki-laki.

NM: Umphh apakah cita-cita Tuan Haji yang sebenar ? Selain --

THA: Oh cita-cita maksud awak ni cita-cita ni masa saya --

NM: Ha yang masa tuan haji tengah --

THA: Sekolah.

NM: Sekolah masa muda (tergelak).

THA: Sebenarnya saya waktu tu saya takde macam cita-cita macam separuh – *student* [pelajar] lainlah.

NM: Umphh.

THA: *Student* [Pelajar] lain ada nak jadi *lawyer* [peguam]. Saya sebenarnya takde satu yang spesifiklah. Haa maknanya kalau saya, apa apa takde taktau apa apalah

NM: (ketawa)

THA: Sampailah saya di tingkatan lima camtu kan.

NM: Oh

THA: Saya taktau hala tuju saya sebagai seorang *student* [pelajar] yang tu kan saya punya tujuan untuk nak melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggilah sebab setahu saya, saya punya tujuan, cita-cita saya nak pergi *overseas* [luar negara] tu je.

NM: Oh (ketawa)

THA: (ketawa)

NM: Jadinya pencapaian tertinggi yang Tuan Haji pernah miliki?

THA: Takdelah saya sampai MCE [] saja.

NM: Oh.

THA: Sampai MCE [] je sebab awak mesti ingat peluang waktu itu haa tak macam sekarang, sekarang banyak, sekarang banyak peluang pergi budak-budak sekarang. Tapi masa saya dulu cukup *limited* [terhad] lah, cukup terhadlah.

NM: Umphh

THA: Cuba awak bayangkan eh dalam Malaysia waktu itu ada satu je politeknik.

NM: Umphh

THA: Rumah pastu ada satu Sekolah Menengah Teknik yang sekarang jadi Universiti Teknologi dekat Jalan Semarak tu.

NM: Oh

THA: Kat kiri UITM [Universiti Teknologi Mara].

NM: Umphh UITM [Universiti Teknologi Mara].

THA: Tu kat Skudai kan.

NM: Oh haa a'ah.

THA: Situ je, yang ada negeri Johor ni sekarang bahagian Vokasional, Trade School, Tret School, itu je yang ada waktu tu haa. (Bunyi cawan)

NM: Okay umpph apakah yang menyebabkan Tuan Haji begitu mengingati sejarah kampung ni ?

THA: Oh saya dilahirkan di sini dan saya suka dengar cerita orang tua-tua dulu kan.

NM: Oh.

THA: Dan saya dapat cerita kampung ni pun cerita semua cerita daripada lisan bukan daripada buku atau -- (Isteri Tuan Haji menghidangkan sedikit makanan dan minuman, lalu penemu ramah yang kedua mengucapkan terima kasih)

THA: Ada buku ke ada apa takde semuanya daripada lisan orang tua-tua dulu kan.

NM: Haa

THA: Yang ada waktu tu saya dah sekolah menengahlah -- haa.

NM: Oh.

THA: Saya, jadi saya, saya pon dengar cerita tu macam (Tuan Haji berdecit) *interesting* [menarik] lah maknanya.

NM: Oh.

THA: Cukup minat dengar cerita sejarah-sejarah ni haa itu je.

NM: Yang umphh macam bagaimana Tuan Haji boleh terlibat dengan Persatuan Sejarah Segamat ?

THA: Oh itu sebenarnya macam ni saya sebenarnya pada satu hari dulu berapa lama lagi saya tak tahula tahun berapalah baru lagi.

NM: Umphh

THA: Ada daripada Johor Bharu datang, daripada Johor Bharu datang tanya kat saya itu, itulah punca dia tu, itu je puncanya ada satu tempat tu dia pergi, dia pergi tempat tengok tanah kubu tau.

NM: Umphh

THA: Tapi malangnya kawasan kubu tu dah takde lagi maknanya masa saya kecil-kecil dulu dalam tahun, masa saya masih lagi sekolah rendah masa masih saya sekolah rendahla *form one* [tingkatan satu] la, saya *form one* [tingkatan satu] la sekolah menengah waktu tu kesan tu ada lagi, kesan tu ada lagi maknanya tanah ha kan kubu ni dia diperbuat daripada tanah jadi apabila makan masa dah nak dekat 100 tahun dia dah rendah tau, dia semua dah macam, macam busut yang panjang je, macam tulah panjang memang ada kesanlah yang sejak memang ada kesan tapi artifak saya tak pernah jumpa artifak ke apa memang takde jumpalah artifak.

NM: Ohh

THA: Kesan tu adalah masa tu

NM: Untuk bahagian asal usul pembukaan kampung ni bila tarikh sebenar kampung ni?

THA: Oh tarikh tu saya tak dapat nak tahu.

NM: Ohh

THA: Tarikh sebenar kampung ni dibuka tak dapat nak tau. Sebab apa, dia mesti -- sebelum 1879 sebab perang yang berlaku perang, perang yang terakhir 1879. Jadi kampung ni dah wujud ha itu yang dah ada Kampung Kubu Dedap tu pasal kubu tu dekat situ. (bunyi motosikal lalu) Kubu tu dekat situ.

NM: Ohh jadinya siapa pengasas kampung ?

THA: Oh itu saya tak dapat nak tahu pengasas yang buka kampung ni saya tak, tak dapat nak, nak tahulah cuma kalau buka Jementah ni saya dapat tahu cerita tapi kalau buka Kampung Kubu Dedap ni saya memang tak, tak tahulah, tak dapat tahu.

NM: Bagaimana boleh terciptanya kampung ni ?

THA: Kampung ni sebenarnya dulu kan belakang ni ada sungai, sungai Jementah, sungai Jementah kita tak tahu sekarang masa saya kecil-kecil main masa 50, 60 tahun lepas sungai ni dia dalam, dalam sungai dia tapi sekarang keadaan bila dah buat empangan di Ulu Jementah untuk *reservoir* [takungan air] kan buat takungan air untuk minum jadi sungai ni dah cetek, bila sungai ni dah cetek mungkin masa masa bukanya kampung ni sungai ni besar sebab biasanya kampung Melayu ni dia mesti buka tepi sungai sebab nombor satu sekali perhubungan, perhubungan senang yang kedua dia sumber makanan protein kan ikan pastu kita ada belakang ni sawah padi ada sawah padi, dulu sawah padi semua belakang ni sawah padi jadi orang kampung, orang kampung Melayu biasanya tradisional kampung Melayu mesti ada sungai ada sawah kan jadi sawah tu sumber tanam padi, ikan tu sumber air minum, ada air paip air minum air apa semua itu jelah. Jadi itulah agaknya orang ni saya pun tak tahu siapa yang memula duduk.

NM: Umphh

THA: Di, di kampung ni yang saya tahu yang saya ingat atuk saya cakap nenek saya punya nak kata bapa saya, Abu Hassan kan, saya Arif, Arif bin Abu Hassan, Abu Hassan bin Penuh, Penuh bin Simat, kubur Simat tu ada kat kampung ni ha kira kalau orang sini panggil nenek tapi orang lain panggil nenek ni perempuan kan...

tapi sini kalau atuk, nenek ha macamtu tapi bukan perempuan, laki-laki dia panggil nenek.

NM: Ohh

THA: Kalau tempat lain dia panggil nenek perempuan an, ha sini saya tak saya bapa atuk nenek ha naik ke atas-atas moyang apa semua tu lainlah

NM: Ohh, untuk kisah di sebalik nama siapa yang beri nama?

THA: Itupun saya tak tahu sebab apa bila, bila berlaku bila yang saya tahu kampung ni dah ada atas nama Kampung Kubu Dedap, saya tanya kenapa Kampung Kubu Dedap sebab di sini ada kubu dan ada pokok dedap ha itu je yang, yang saya tahu siapa yang buka kampung ni, siapa yang, yang anu beri nama tu saya tak tahu ha

NM: Jadinya, macam mana terciptanya nama kampung ni disebabkan peperangan tu ke ?

THA: Tak umphh dia perang tu 1879 mungkin kampung ni dah wujud dulu daripada tu, nama kampung ni mungkin dulu mungkin lain nama lah tetapi yang dah sebab dah ada perang tu ada kubu, dah ada jambatan dedap itu sebab dia ada nama kubu dedap, sebab apa saya cakap macam itu, sebab kalau kampung ni takde orang macam mana pulak dia boleh buat kubu ke apa kan, mesti kampung ini ada penghuni, ada penghuni tapi asal nama dia saya tak tahu, tapi nama yang dia dapat ialah setelah perang dulu ada kubu ada dedap itu je lah ha.

NM: Apakah nama, nama kampung ni begitu unik sehingga dikekalkan atau mungkin ada nama lain kan yang kita tak tahu ?

THA: Lain. Saya, saya tak pernah dengarla selain daripada nama Kubu Dedap saya tak pernah dengar, kalau tempat lain tu ada saya dengarlah ha macam belakang ni kan ada, ada apa kata orang sekarang dah jadi kebun banyak kan orang panggil cili yong-- tu di _____ baru sebelum itu nama dia lain nama dia tikam paruh, tikam paruh ada Bukit Maling ha itu, cerita dia tu dah, dah lainlah dan orang sini dulu bila bukannya *estate* [harta pusaka] tu, *estate* tu sebenarnya dia kasi orang putih, dia bawanya apa ni orang Indonlah, Indon kemari jadikan pekerja ladang dia kan, kerja kat ladang okay, lepas itu, itu pasal dekat situ ada nama Bukit Maling

NM: Umphh

THA: Jadi, orang sini, orang Melayu sini cakap *maling* [pencuri] itu adalah memaling tu yang pusing kan, dia sebenarnya bukan, Bukit Maling ni ialah sebab dia bawanya orang Indonesia, orang Jawa ke mari, maling tu dalam bahasa jawa adalah pencuri.

NM: Pencuri haa

THA: Ha jadi mungkin bukit tu dia yang jahat-jahat dibawa letak kat situ lah ha itu macam tu, kalau tak kenapa adanya Bukit Maling, siapa pula ada buat maling masa tu takde.

NM: Tulah

THA: Bukit maling tu mesti nama nama orang.

NM: Umphh

THA: Orang Indonesialah

NM: Jadinya nama tokoh perintis Tuan Haji tak tahulah

THA: Saya memang tak tahu nama ha sebelum sebelum nama Kubu Dedap ni saya tak tahu nama dia

NM: Ataupun ada sumber lain ke selain tokoh tu ha yang boleh kitaorang jadikan rujukan ?

THA: Ha itu saya pun tak tahulah sebab kebanyakan, kebanyakan orang yang ada kat sini pun macam orang pendatang jugalah.

NM: Umphh

THA: Ha bu-kan.

NM: Bukan penduduk tetap.

THA: Ha orang penduduk asal punyalah kan banyak orang sini datang, kalau kampung tengah yang tengah-tengah kampung ni orang dari Indonesia, daripada tanah Jawa sana, itu banyak orang-orang Jawa kat situ, yang Melayu kat sini ni saya pon tak tahu dari mana datang tetapi dia ada pertanian banyak. (bunyi motosikal lalu) Ke mengalir ke Melaka -- (bunyi motosikal lalu) Ha mengalir ke Melaka, Asahan kan

NM: A'ah, a'ah

THA: Ha dia banyak mengalir ke sana sebab apabila perang tu ha kalah je perang Jementah, orang Jementah kalah kebanyakan tokoh-tokoh ni semua orang-orang ni lari ke Asahan rasa sampai sekarang ada masih ada lagi yang waris dia ada kat sana lagi.

NM: Umphh

THA: Dah berapa generasi dah tiga ra, saya rasa dah empat lima generasilah

NM: Umphh

THA: Ha camtulah lari sana

NM: Umphh

THA: Bukan ada jalan waktu tu lorong kereta lembu.

NM: Oh (ketawa)

THA: Dari sini nak gi Melaka, kalau nak gi ke Melaka tu makan masa entah berapa hari sebab apabila nak gi Melaka diorang akan buat kereta lembu tu dibuat kajang, kajang --

NM: Umphh

THA: Kajang dibuat atap, buat atap, buat periuk belanga, tombak asah tajam-tajam tombak asah tajam-tajam tu kerana bukan satu nak menjaga lembu tu jangan makan bagi rimau dalam hutan.

NM: Oh.

THA: Ha itu tujuan dia itu je

NM: Ingatkan --

THA: Kerana ha pencuri pun ada ha diorang biasanya dia akan bukan, bukan satu kereta lembulah

NM: Umphh

THA: Ha dua tiga kereta lembu akan bertemu di, di Asahan, orang Asahan ha dua tiga kereta lembu lagi jadi dia, dia konvoilah pergi ke bandar Melaka sana

NM: Oh lepas perang tu berlakulah ?

THA: Sebelum perang berlaku pun macamtu --

NM: Oh

THA: Sebab masa perang tu berlaku Melaka dah di bawah British bawah bawah penjajah lepas itu ha ubat bedil, bedil buat bedil belerang--

NM: A'ah belerang

THA: Nak tembak meriam ni ambil kat Melaka, berlawan dengan Sultan Johor, Sultan Abu Bakar. Sultan Abu Bakar dia baik dengan ha dengan dengan apa ni dengan British. Jadi dia tahan orang besar ni tak boleh beli ubat bedil. Jadi kita takde --

NM: Takde.

THA: Ha ada meriam pun --

NM: Haah takde

THA: Takde ubatlah tulah ceritanya. Tu yang dapat saya tahulah ceritanya.

NM: Oh. Untuk bahagian keadaan di awal pembukaan ha bolehkah kami tahu bagaimana keadaan kampung ni semasa di awal pembukaan ?

THA: Awal pembukaan saya tak dapat tengok tapi saya tengok masa, masa saya dah ingat tahun 50an [1950an] lah kampung ni lah, ada, ada cuma ada macam lorong saja. Bukan ada jalan ada loronglah ada, ada denailah

NM: Oh denai

THA: Ha rumah jarak-jarak macamtu kan rumah sebiji sebiji rumah. Ada denai je. Jalan tu masa tu yang saya ingat dah ada jalan besar tu tapi jalannya jalan tar tapi tak macam ni lah sekarang. Tu jalan lama tu yang awak masuk *traffic light* [lampu isyarat] tu masuk jalan lama tu.

NM: Umphh

THA: Jalan tu dah sekarang jalan baru belah sana jalan baru belah sini. Ha terus tu denai. Denai sini depan ni paya

NM: Umphh

THA: Ha paya. jadi orang buatlah palang macamtu taruh buluh atas tu ha buat titilah

NM: Umphh

THA: Paya depan ni sekarang lembik tanah tu macam --

NM: Macam tanah gambutlah

THA: Tak. Eh sini bukan tanah gambut.

NM: Oh

THA: Sini tanah paya, tanah paya.

NM: Umphh

THA: Ha dia bukan tanah gambut. Sini memang takde tanah gambut. Sini pasir

NM: Umphh

THA: Ha sini pasir bukan gambut. Kalau belah batu Muar, Batu Pahat mungkin gambutlah sini tak

NM: Haah haah betulhah.

THA: Bukit Gambir pun ada macam, Bukit Gambir tu ada sikitlah gambut. Sini takde.

NM: Umphh. Okeylah tu.

THA: Sini ada pasir, pasir.

NM: Ha Tuan Haji tahu tak ha siapa yang terlibat di awal pembukaan kampung ni ?

THA: Yang terlibat saya bukak kampung ni saya memang tak tahulah

NM: Umphh

THA: Sebab masa perang tu yang terlibat dalam perang Jementah itu panglima-panglima dia saya tahu namalah

NM: Umphh

THA: Tahu nama saja tapi tak pernah tengoklah.

NM: Umphh

THA: Ha nama, nama-nama dia saya tahulah yang terlibat dalam perang tu. Panglima jelah ketua dialah ha.

NM: Umphh

THA: Tu saja.

NM: Ha antaranya ?

THA: Yang sini ?

NM: Ha ah

THA: Panglima dia yang besar, Panglima Xin Cu

NM: Oh Xin Cu.

THA: Ha Xin Cu pastu diorang panggil Panglima Besar Xin Cu, Panglima Besar Layot, Panglima Besar Muda Salim, itu semua panglimalah, Tok Siban. Ha itu nama-nama yang saya tahulah.

NM: Oh

THA: Ha ni masa perang Jementah dan mereka bertahan dalam kubu tulah, dalam Kubu Dedap tu. Ha dalam Kubu Dedap tulah duduknya dan orang perempuan pun duduk dalam Kubu Dedap tu. Jadi -- (bunyi senduk) Kubu tu sebenarnya dia bukan empat segi dia, dia bukannya tembok empat segi, tak.

NM: Oh

THA: Ni belakang ni paya kan

NM: Haah

THA: Dia akan tembok ke darat **ke sana** dan kemari. Paya ni dia letak tembok. Ha paya letak tembok. Jadi, dia ada tiga, tiga anu jelah.

NM: Tiga penjuru

THA: Ha tiga penjuru je. (Tuan Haji batuk) Yang ditembok. Menghala ke paya tak. Menghala ke paya tu tak ditembok. Yelah untuk memudahkan orang dalam kubu itu apabila berlaku je peperangan yang perempuan-perempuan dengan anak kecil dia akan keluar ikut paya itu. Mungkin masa tu naik perahulah kan.

NM: Haah

THA: Ha sungai ada baru akan *retreat* [berundur] lah berlarilah, lari keluar paya-paya. Ha tulah ceritanya. Dan ha kita banyak yang pergi menghala ke Asahan, lari ke Asahan. Dia mudik [pergi] lah, mudik. Mudik naik sungai besar mungkin masatu dia dalam. Naiklah, semua lari. Jadi, yang tinggal situ adalah panglima-panglima jela kat situ. Yang dalam kubu tu.

NM: Oh. Ha masatu berapa ramai penduduk kampung yang-- ?

THA: Oh itu saya, kita pun tak boleh agaklah. Sebab apa masa saya dah, dah sekolah pun penduduk kampung ni memang tak ramai. Yang kata Kubu Dedap ni tak ramai. Memang tak ramai. Saya rasa dalam, nak katakan dua puluh biji rumah pun takde.

NM: Masatulah

THA: Ha waktu tu memang takde. Takut! Malam-malam tak berani nak keluar lalu semak-semak. Semak, jalan pun denai je, lalang, pokok kayu jadi orang tak keluar. Memang, memang yelah air perigi pun ada.

NM: Masatu, masih ada Komunis lagi.

THA: Ha ye masa tu tak. Kawasan putih, tahun 60 [1960], tahun 60 baru kawasan putih. Sebelum tu kawasan hitam. Kawasan hitam masih banyak ada tapi kat sini, dekat Jementah ni tahun itu saya tak dapat tengoklah. Tapi tahun dalam 40an [1940an] masa Komunis memerintah tu, memang balai polis Jementah tu kena se ha anu Sarjan dia hilang sampai sekarang. Takde kubur. Ada dua, dua, satu, satu anggota, satu dia punya Sarjan mati. Yang Sarjan tu Sarjan Bujal nama dia dengan mata-mata Dol. Itu yang di--

NM: Yang hilanglah

THA: Yang ditangkap oleh Komunislah. Em saki baki Komunis, keturunan-keturunan dia banyak kat Jementah tu dalam luar tulah dalam Kampung Baru tu.

NM: Oh ada lagi ?

THA: Ada. Saya pun tahulah sebab emak saya pun orang Cina

NMA: Umphh

THA: Ha waktu tu selepas itu kan bila dia bila, bila tahun lepas tahun 48 [1948], Komunis masih ada lagi hala-hala tebing tinggi, hutan banyak. FELCRA [Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority] tu hutan. FELCRA, FELCRA tebing tinggi tu FELCRA belah sini baru tolak tahun 79 [1979]. Baru lagi kan. Lepas itu, Komunis banyak ha tu. Ni, ITM [Institut Teknologi MARA] belakang tu hutan habis. Sapp! Sampai sekarang hutan tu ada lagi kan? Jadikan angkatan tentera punya kan?

NM: A'ah, a'ah.

THA: Ha sebelum tu kawasan-kawasan ITM [Institut Teknologi MARA] tu semua hutan waktu tu. Ha tulah. Ada satu tempat belakang ni nama dia titi akar kan? Ha awak tengok tu awak jalan nak pegi UITM tu awak tengok satu jambatan lepas sss lepas ada warung, warung yang ada kadang ada jual leman, pagi pastu sebelah tu ada satu tu sungai nama dia titi akar tu. Titi akar tu daripada hutan tulah belakang UITM keluarnya air tu. Air tu keluar daripada situ. Ha nama dia titi akar.

NM: Ada tak ha kejadian-kejadian yang pelik semasa pembukaan kampung ni ataupun masa kampung ni dah wujud?

THA: Kampung ni dah wujud yang atuk saya pernah ceritalah apabila, apabila kampung ni nak di, di, mula-mulalah nak diperbesarkan masatu ni, dalam ni ada satu tempat tapi sekarang dah jadi rumah. Dah ada rumah, dah ada kebun dah bersih. Nama situ orang panggil pulau tapi dia bukan ada pulau ke apa, tanah darat. Pulau apa? Ha nama dia pulau, serupa juga macam ni awak tengok Pulau Jering. Mana pulaunya? Tengah-tengah bukit tu pulau apa? Pulau ni laut tapi orang panggil pulau. Dekat situ pun orang panggil pulau. Orang takut dekat situ. Memang orang takut. Kan. Yelah mungkin masatu hutan tempat orang bunian banyaklah. Atuk saya cerita masa nak buka, nak buka dulu kawasan itu tanah tu dia punya.

NM: Oh

THA: Sampai sekarang turun dah generasi keberapa dah-- pada saya dengan adik sepupu-sepupu saya duduk situ. Ada, dah ada kat situ. Tapi sekarang, sekarang dah orang tak takut. Dulu orang takotlah (Tuan Haji gelak kecil) semak. Tulah. Oh umphh ha pastu atuk saya cakap haa ada kejadian kat situ. Satu malam, ha masatu di, diarahkan, Sultan arahkan orang bunian ni pindah. Sultan ni sebenarnya dia Raja. Raja dalam negeri, dia bukan Raja pada manusia dan negeri je, bunian pun dia Raja. Bunian pun tahu.

NM: Ohh

TH: Jadi, dia, dia ini cerita mulutlah orang cakap. Dia kata Sultan datang perintah pindah. Jadi malam atuk saya cakap dengarlah dengarlah orang pindah. (bunyi motosikal lalu) Ha yang bawa belanga, bawa periuk belanga pindah pindah dia, ha dia berceritalah sama dia. "Eh, kita kena pindahlah", kata dia "Sebab Sultan pun dah suruh kita pindah", kata dia. Ha dia taat orang bunian dia taat. Sultan suruh pindah dia pindah. Ha kan orang tua-tua dulu petua dia kalau dia nak nebang...

pokok ke, nak buka apa benda ke, ha kita, kita takde ilmu ha ada gambar Sultan je taruk dekat situ. Ha dia kalau diaorang.

NM: Ha diorang takutlah

THA: Ha diorang takut, dia hormatlah dekat Sultan. Ha itu je. Itu yang atuk saya pernah ceritalah. Dengar dia cakap “Orang tu pindah. Kita-kita ya mesti pindah”, kata dia sebab Sultan dah arah kita pindah. Pindah. Jadi sampai sekarang takdelah kejadian-kejadian aneh jumpa dekat kampung ni. Ni memang takde.

NM: Oh

THA: Yang saya tahulah takde. Saya tapi, tapi dengan sebab cerita orang, jadi kita dari kecil trauma, takut. Lalu kat situ je automatik takut. Haa. Sekarang dah jadi kebun dah pun, dah bersih dah cantik, apa semua jadi orang tak takutlah. Dulu sebut lalu situ je orang dah takut tapi kat situ takde rumah. Yang ada rumah lepas kebun tu ada satu rumah, ada satu je rumah. Sebelum kebun tu ada satu rumah tapi jarak tu jauhlah. Jadi hutan. Mana orang berani, yang paya tu semua pokok rumbia. Haa.

NM: Pokok rumbia pulak tu

THA: Ha tulah orang takut. Orang memang takut waktu tu tapi sekarang semua tu dah takde lagi. Dah ada turap, dah pasang, dah pasang lampu tengah jalan. (bunyi hon kereta dan motosikal) Siapa takut? Tak takut dah.

NM: Maksudnya dalam-dalam tu pun ada lagilah rumah?

THA: Rumah tu.

NM: Dekat belakang ni ada jalan lagi

THA: Oi banyak dalam ni rumah. Sekarang rumah ni dah rapat-rapat. Rapat-rapat orang tak takut. Ada rumah, siap apa semuanya, ha apni sampailah masjid, lepas masjid belok ke kiri tu, belok ke kiri tu awak boleh keluar kat jalan besar tu. Yang tempat pemanjat ada kat dekat pencawang ITM [Institut Teknologi MARA] tu kan. Ha kau belok ke kanan, awak kena masuk kebun, masuk kebun, kebun sekarang dah jadi kebun durian, kebun kelapa sawit. Kalau siap **simpang** masuk ke kiri, awak terus keluar Kampung Bukit Tunggal. Ha keluar Bukit Tunggal terus boleh keluar terus boleh pergi ITM.

NM: Oh dia ada jalan jalan yang --

THA: Haa jalan dalam ah jalan dalam haa ada ada jalan tu sekarang dah elok, dah taruk kasran semua kan. Dah taruk kasran dalam tu apa semua dah okay dah jalan tu dah tak lecak lagi dah okay ah..

NM: Masa --

THA: Tapi takutlah orang nak lalu

NM: Umphh

THA: Takde orang kalau kebun.

NM: Masa haa pertama kali pembukaan keadaannya ha umph macam mana? Macam meriah ke pastu siapa je yang hadir masa pembukaan kampung tu?

THA: Oh takde. Masa tu kita mana ha mana ada pembukaan (bunyi penemu ramah bergelak) bukan macam macam sekarang ada ada (suara tertawa) sambutan Menteri Menteri datang takde waktu tu buat kampung ni hanya hanyalah masa dulu tu bukan ada geran. Pasai tanah tu takde geran--

NM: Oh

THA: Jadi okay, awak nak buat rumah, tebas kawasan buat rumah. Awak nak bercucuk tanam, tebang hutan tu bercucuk tanam lepastu (Bunyi Tuan Haji batuk) awak ada sedara daripada mana datang dari Buluh Kasap, daripada lain datang nak nak duduk sini? Dia dia senang je cakap, dia kata "Ah engko takde tempat duduk, engko ambik sebelah tu".--

NM: Umph

THA: Ha tebang kat situ. Dia sepadan dia,gunakan pokok

NM: Ouhh

THA: Ha pokok anu tu daripada pokok tu, sampai pokok tu kau punya. Ia sebab (Tuan Haji batuk) kebun orang Melayu orang kampung kita tak jumpa kebun yang luas-

-

NM: Ouhh

THA: Sebab apa dia dia ukur bukan ada _____, dia ukur macam ni ha pokok tu sampai pokok ni, tengok kerja pakai tulang urat, nebas bagi nak mampus (Penemu ramah tertawa) Tengok woo ni dah dah apa ni-- (Bunyi cawan dan air dituang) dah dah cukup luas aku kerja ni, dah penat dah bape hari kerja nebas. (Bunyi cawan dan air dituang) Nebang nebas. Bila datang je orang putih disuruh ambik geran-- (Bunyi air dituang dan burung berkicauan) Ukur dua ekal, seekal sorang.

NM: Ouh

THA: Ha kerja dah teruk sebab yelah bukan pakai mesin, pakai tangan, penat ah. Ha ye minum-minum.

NM: Ouh

THA: Ha tulah bukannya macam **sekarang**. Itulah kebun dekat sini takde yang luas-luas.

NM: Dia macam--

THA: Ha sikit-sikit jelah seekar lebih macam tanah ni seekar lebih, yang sana tu seekar lebih, sana seekar lebih tu je. Tu dulu nebang macam tu kalau sawah tu dia macam luas sikitlah sawah kan, takde pokok sebab sawah padi.

NM: A'ah

THA: Adalah dua ekar sawah, tanam padi, tu je. Bukan macam sekarang. Kebun orang Melayu, mana kampung ni memang takde. Sikit-sikit je.

NM: Haa

THA: Bukan macam dulu, eh bukan macam sekarang. Sebab kita tak jumpa kebun orang Melayu luas-luas, yang kendian baru ni, itu pun waktu British dah datang, dah nak dia dah, dia dah-- nak buat teratur lah kan jadi kampung ni disuruh ambik geran.

NM: Oh

THA: Dia suruh ambik geran, hanya ada geran ah. Tapi itulah gerannya masa tu pun orang kita takde duit. Dia ada tanah, dia dah kerja lebih kan suruh ambik geran mengatakan tanah ni hak milik dia kan, takde duit nak ambik geran masa British. Berapa dua ringgit, tiga ringgit atuk saya cakap. Ha dia punya nak ambik geran tu bukan mahal RM2, RM3 je. Tapi waktu mana nak cari duit--

NM: Yelah time tu mahal RM2

THA: Susah nak cari duit ha sebab macam atuk saya cerita nenek saya dulu tanahnya luas. Mana siapa yang rajin kerja tanahnya luas tetapi bila dia mati orang tahu tanah dia. Anak dia ambik alih bila sampai anak dia, orang putih suruh ambik geran. Takde duit, ambik geran. Bila takde duit ambik geran, ambiklah geran mana yang dia pikir macam ada ha ada durian ada macam tu dia ambiknya geran ada dusun ada apa semua tu dia ambiknya geran, yang lebih tu dah jadi macam tanah--

NM: Tanah terbiar

THA: Tanah terbiar, takde orang punya, orang mohonlah. Orang lain pulak masuk kan ha macam tulah. Bukan macam sekarang senang, ada mohon je tanah ada dapat *qualified title* [Gelaran yang layak].

NM: Oh

THA: Ha dulu mana ada.

NM: Tapi kena bayar jugaklah?

THA: Mana?

NM: Kalau nak mohon tanah--

THA: Sekarang ke dulu?

NM: Sekarang.

THA: Sekarang kena, sekarang kos tinggi. Sekarang memang mahal ah, kalau kita mohon pun dia panggil premium kan.

NM: Umph

THA: Premium, beribu-ribu lah. Memang sekarang ribu-ribu lah. (Bunyi burung berkicauan) Zaman 60an [1960an] pun dah mahal, 60an [1960an] pun dah mahal. Tapi kawasan kampung ni memang dah takde lagi tanah ah, yang kosong takde. Tanah nama, kalau tanah kerajaan kosong dah takde lagi dalam kampung ni, semua dah ada dah dimiliki dah dalam kampung ni. Yang ni dikira GM [Geran Mukim] maknanya dia dah takde takde *list* [senarai] ah, ada tanah 99 tahun, ha dia tak. Sini dah kira tetaplah, milik kekal, dia panggil milik kekal.

NM: Kalau untuk corak pentadbiran kampung ni ha apakah Tuan Haji tahu berkenaan corak pentadbiran terdahulu dekat kampung ni?

THA: Dulu, dulu masa, masa, masa-masa dulu kan, kita tak dapat tahulah tapi sebelum merdeka pun, sebelum merdeka pun dia ada, dah ada ketua kampung. Sebelum sebelum negara ni Merdeka, bawah tahun 57 [1957], saya masuk sekolah tahun 57, saya umur 55 ha masa umur 5, 6 tahun pun memang kita dah tahulah tempat ni ada ketua kampung.

NM: Hmm

THA: Tapi orang tua dulu banyak pengaruh orang putih, dia panggil ketua kampung ni Tok Komuniti.

NM: Tok Komuniti

THA: Komuniti, sebab dia yelah komuniti, komuniti kan komuniti, komuniti tu masyarakat setempatlah ha itu je dia panggil ketua komuniti pastu dia ubah jadi ketua kampung ha sampailah sekarang tapi pentadbiran dia macam tulah. Yelah ketua kampung dulu, awak tahu lah ketua kampung dulu, penghulu-penghulu dulu pun kadang-kadang tulis tak reti, jangan kata ketua kampung, menulis pun tak reti.

NM: Ouh

THA: Orang tu ada pengaruh, orang segan dekat dia, lantik tapi lantikan penghulu dulu daripada Sultan.

NM: Ouh

THA: Bukan macam sekarang, sekarang bawah JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam], tok penghulu bawah JPA, ketua kampung ni ada temuduga juga kan dari masyarakat macam DO [] lah, Mando yang akan bertanggungjawab dibawah ketua setiausaha eh dibawah SSlah. Ha SS[Setiausaha Syarikat], pergi DO pergi ketua kampung macam tulah, DO pergi ketua kampung. Sekarang macam tulah, ketua kampung adalah jawatankuasa dia lagi, ahli, ahli jawatankuasa kampung ha tulah. Daripada orang kampung gitulah tapi ketua kampung pun masih wujud lagi. Jawatan ketua kampung ni senanya, jawatan penghulu dan ketua kampung ni jawatan pada saya nama dia jawatan kesian.

NM:(ketawa) Jawatan kesian.

THA: Ha kesian sebab apa? Tak payah ketua kampung pun takpe, sebenarnya, tetapi memandangkan perintah kita ni diperintah oleh orang Melayu--

NM: A'ah

THA: Jawatan ketua kampung, jawatan penghulu ni adalah jawatan orang Melayu. Ha mana ada penghulu Cina. Cina orang panggil ketua masyarakat. Ada wakil Cina ada, macam Jementah ni ada ada wakil Cina --

NM: Ouh

THA: Macam penghulu ah eh bukan, macam ketua kampung. Ketua masyarakat dia panggil, ketua masyarakat. Penghulu mesti orang Melayu sebab penghulu ini adalah istanakan? Ha daripada istana lantik penghulu ni. Kalau dulu memang penghulu dulu lantikan daripada istana. Ha itu pasal awak tengok dekat Jementah ni ada satu rumah penghulu dengan balai penghulu. Awak tahu masjid Jementah tak? Masjid Azim Jementah tu, hala nak ke Muar tu kan ada rumah atas bukit tu, itu rumah penghulu.

NM: Ouh yang sekarang dah jadi *homestay*[inap desa] tu.

THA: *Homestay* pun satu.

NM: Ha

THA: Belakang tu *homestay* ada ni sekolah anak budak terencat akal tu.

NM:(tertawa) So maksudnya yang atas tu ke yang bawah tu? Sebab dia ada--

NAA: Ada dua.

NM: Dia ada dua.

THA: Yelah yang atas tu, tu rumah penghulu yang rumah ada tiang tu atap genting tu rumah penghulu, sebelah tu balai penghulu, **belakang** tu yang rendah tu, bawah-bawah tu itu dah jadikan *homestay* sekarang.

NM: Ha

THA: Dia buat *homestay* untuk untuk apa ni tu ha anu ni (bunyi berdecik) kanak-kanak cacat punya.

NM: Ouh, yang balai penghulu tu yang terbukak luas tu kan?

THA: Ha yang terbukak luas, yang lapang tu ha tu balai dia.

NM: Ouh.

THA: Ha tapi awak tak boleh tengok tak tak mukim dekat anu ada, yang macam tu. Yang ada sekarang ni, yang balai penghulu yang ada dekat sini, kompleks penghulu yang dekat sekolah ni, sekolah Melayu ni, ha tu yang moden. Yang dulu tu ha hanya penghulu tertentu je yang dapat. Ha penghulu Jementah ni dilantik oleh Sultan Johor masa Sultan Abu Bakar, Sultan Ibrahim ah. Masa-masa Sultan Ibrahim ha masa Sultan Ibrahim, tu musim darurat. Dia kata, “Kalau kau nak, kalau tuanku nak lantik dia jadi penghulu” dia, dia pasal apa dia penghulu dulu yang dapat tu ni dia SO [Settlement Officer] konon-kononnya. Maknanya dia punya tu, waktu tu gaji dia pun dah seratus.

NM: SO?

THA: Ha SO, *settlement officer* [pegawai penempatan]. Dia bukan *settlement officer*, dia *servier* dia reti ngukur. Jadi gaji dia orang putih dah bagi seratus. Seratus waktu tu saya ingat lebih kurang dalam 10 ribu lah gaji dia sebulan.

NAA: Ouh banyak.

THA: Ha, jadi dia cakap dengan Sultan dia cakap, “Tuanku nak suruh saya jadi penghulu ha boleh tapi dengan syarat buatkan dia rumah, buatkan dia balai”. Tu yang ada tu balai dia mintak semua --

NM: Ouh.

THA: Sekarang masih wujud lagi.

NM: Maksudnya rumah tu dah tak boleh masuk ah?

THA: Mana?

NM: Nak kalau nak tengok rumah penghulu lama.

THA: Sekarang dah ha dah ada buk--, saya pun tak tahu macam mana pentadbiran buat dibagi dia budak tulah. Kena, kena jumpa orang yang jaga situlah, ha yang sekolah-sekolah budak yang sekolah, sekolah budak terencat akal tu. Ha dekat situlah kena pergi. Saya dulu biasa main dekat rumah itu sebab saya berkawan dengan anak penghulu. Rumah tu ada *secret door* [pintu rahsia] ha jadi rumah tu ada dua bilik. Rumah atas dua bilik, atap genting, dinding papan. Papan dulu memang cantiklah kan dah cat. Jadi, awak nak turun ke tangga nak pergi ke dapur ha sebelah kiri tu ada satu bilik kecil, tak besarliah bilik dia. Dalam bilik tu boleh turun ke bawah, dinding batu, pintu besi. Kalau penghulu kena *attack* [serang] dengan Komunis, dia boleh turun ke bawah tu, dia akan lari ke belakang. Orang *attack* ke depan dia berlari ke belakang ah. Ha memang saya tahulah sebab saya memang situ ah saya saya umur masa sekolah kawan dengan anak dia kan. Anak penghulu tulah takde anak perempuan semua anak laki-laki dan saya ingat zuriat dia tinggal sorang je lagi lain semua meninggal awal, meninggal muda.

NM: Umph

THA: Meninggal muda.

NM: Ouh tu yang rumah tu dah diserahkan dekat --

THA: Rumah tu rumah kerajaan.

NM: Ouhh ingatkan

THA: Kerajaan punya ha kerajaan punya, bukannya rumah penghulu tu punya. Cuma dulu ha kerajaan Johor *offer* [tawaran] dengan penghulu yang nak duduk situ masa tu penghulu Said nama dia. *Offer* suruh bayar tanah dengan rumah tu, penghulu Said taknak, dia bila taknak, *government* [kerajaan] punya lah. Dulu pada tahun berapa saya ingatlah tahun awal 70an [1970an] dulu ada negeri Johor ni ada *offer*, *offer* macam tu belah Muar paling banyak. Muar, Batu Pahat paling banyak saya ingat. Rumah-rumah kerajaan lama dia *offer* pada kakitangan kerajaan bayar dekat dia, sampai sekarang.

NM: Kalau dulu tak bayar ah?

THA: Ha kalau dulu bayar, tu sekarang dia punyalah. Ha masa tu eh dekat Muar banyak, dekat Muar dekat jalan, jalan mana, jalan Daud tu, jalan Daud tu kuarters, kuarters kerajaan kan. (Bunyi kenderaan lalu) Dia kata dia suruh bayar, dia bayar, suruh bayar, pikir awak nak awak bayar, awak dapat rumah tu. Lepas tu kerajaan Johor pikir-pikir eh rugi ah dia *stop* [berhenti] takde lagi. Takde *offer* lagi, memang takde *offer* lagi. Mana ada, penghulu dia *offer* tapi dia taknak. Segamat takde ha Segamat tak dapat. Awak nak tengok rumah kakitangan kerajaan Segamat, rumah asal dia itulah rumah kakitangan kerajaan Segamat dulu bukannya rumah batu. Ha awak tengok pejabat trafik, lepas pejabat trafik tu awak tengok rumah sebiji-sebiji tu rumah atas tangga batu, rumah bawah apa semua kayu. Itulah rumah kakitangan kerajaan Segamat. Kakitangan Negeri Johor masa tu. Tapi kayu, tapi kayu dia baiklah.

NM: Bukan macam kayu sekaranglah.

THA: Semua macam sekolah, Sekolah Tinggi Segamat tu, awak tengok tak sekolah dia, apa yang pelik sekolah tu satu? Dia ada jam besar okay, tiap-tiap bilik kelas tu mana ada tingkap. Awak perasan tak takde tingkap?

NM: Takde tingkap?

THA: Mana ada tingkap. Sekolah tu dua tingkat tu mana ada tingkap. *Main building* [Bangunan utama] dia panggil, bangunan yang asal tu sekolah tinggi tu Sekolah Tinggi Segamat tu mana ada tingkap. Masa saya sekolah dulu takde tingkap. Satu bilik kelas, satu bilik darjah ada 4 pintu. Pintu dia daripada siling tu **sampai** ke bawah. Ha pintu tu terbukak ah bukak pintu tu, dua belah sini, dua belah sana. Mana ada tingkap, macam sekolah ada tingkap, ke apa takde. Pintu je, eh pintu tu kalau hempap awak boleh jadi mati. Besar, berat kayu dulu ha--

NM: Ouh.

THA: Saya sekolah situ tahun 57 [1957] sampai tahun 68 [1968], macam mana saya dah tahu pulak sekolah tu. Sekolah ting, sekolah anu yang paling anu sekolah tulah *main building* tu. Dia ada, saya dapat bayangkan yang anu ke depan yang ada jam besar tu dulu bilik guru besar, ha pejabat guru besar, bawah dia tu *porch* [beranda] kereta untuk dialah, untuk guru besar pastu naik tangga tengah-tengah hujung sana satu tangga, hujung sana satu tangga. Berapa kelas je, 3 atas ada 3, 6, yang belah sini tu *hall* [dewan] dulu, dulu *hall* dewan, dewan. Sekarang dah banyak berubahlah. Kalau dulu tu memang saya dapat bayangkan sekolah tu yelah berapa tahun saya sekolah situ. Saya daripada *standard one* [darjah satu], saya tak masuk sekolah Melayu. Bapak saya cikgu, bapak saya cikgu sekolah...

Melayu tapi saya tak masuk sekolah Melayu, saya masuk sekolah Inggeris. Daripada *standard one* sampai *standard six* [darjah enam] ha itulah dia cerita dia.

NM: Boleh takde tingkap.

THA: Ha dia memang takde tingkap, dia terus je bukak pintu je. Ha macam sekolah sini lama, awak tak tengok sekolah sini lama, Melayu lama ni sekolah atas dia ada tingkap atas. Tapi awak tak **nampak** depan lah tingkap dia tinggi atas bukak. Dia ada pakai kekisi macam tu.

NM: Ha ha (Mengiyakan)

THA: Ha sini sekolah ni pun unik juga sebab sayang nya itulah sebab bangunan tu dirobohkan.

NM: Ouh

THA: Sayang, rumah pun dirobohkan, tak silap rumah cikgu ada satu. Rumah tu dia ada batu dia tak pakai batu bata dia pakai *slab* [papak] tau. Maknanya dia tuang simen, tuang-tuang macam ni, dia masuk satu keping, satu keping, satu keping jadikan dinding. Nampak kesan nampak, dia tak licin ah dia *slab, slab*, atap genting. Genting dia genting dulu lah genting, genting memang genting tanah betul, genting buat tanah liat ah. Teringat genting tu biasanya genting tu mesti main dia India genting India. Ha genting banyak cantik-cantik tu ha ambik genting sekeping, dia berlumut tu ha ambik basuh balik cantik balik macam baru. Itu sekolah tu bukan macam sekarang.

NM: Sekolah tu dah dirobuhkan ah?

THA: Ha tu yang saya ah ada Sekolah Tinggi Segamat ada, Sekolah Tinggi Segamat tu 1926, dia punya guru besar tak jumpa orang Melayu. Last sekali saya ingat ah guru besar yang pertama sekali nama orang Melayu, saya kata encik apa namanya, saya pun masa, saya pun tak sekolah lagi. Saya dah keluar masa tu, sape Zulkifli ke siapa siapa tulah namanya. Selebih daripada tu Mat Salleh, India, Mat Salleh India guru besar dia. Dia tak panggil *principle* [guru besar], dia panggil *headmaster*, panggil HM, pasal dulu sekolah bukan taraf institut tu yang dia panggil HM, guru besar, *headmaster* ah. Kalau sekarang sekolah ni dia panggil *principle* kan? Jadi dulu sekolah HM tapi Sekolah Tinggi Segamat tu dia kendian, Muar lagi dulu, Muar, Batu Pahat lagi dulu. Itu pasal awak boleh tengok kenapa orang, pembesar-pembesar negeri banyak orang Muar dengan Batu Pahat, sebab dia dengan Johor Bahru, sebab dia wujudnya sekolah Inggeris ni lagi dulu daripada Segamat. Segamat ni dapatnya yang pembesar yang dapatnya dari sekolah Inggeris itu adalah orang yang dekat-dekat Kampung Melayu punya sekeliling je, macam simpang Jabi, Pogoh pasal dia dekat dengan sekolah tu. Macam, macam orang lain, macam mana dia nak sekolah Segamat, bukan senang. Bukan senang nak pergi Sekolah Segamat tu. Masa sekolah je yuran Sekolah Melayu 30 sen sebulan, yuran sekolah Inggeris rm2.50. Ha awak tengok dia punya gap tu berapa-berapa, berapa banyak tu? Macam mana orang kita? Sedangkan orang kita masa tu saya ingat lagi ah orang-orang perempuan Melayu dekat kampung ni kerja dekat *estate* tu dengan pendapatan gaji lebih kurang RM1.80 sehari. Waktu tulah naik lori, pukul 4 lebih dah keluar, bawak andang tahu?(Bunyi motorsikal lalu) Jalan gelap semak, gelap jadi kelapa ni daun kelapa ni ikat --

NM: Ouhh

THA: Ikat, ikat jadikan andang. Suluh tu ha ramai tu lima enam orang wo sampai dekat corner tu padam andang tu, pijak andang tu. Naik lori, lori bawak pergi kerja,

petang kan pukul 3 balik, ambik andang tadi yang tadi tu bawak balik. Esok pagi nak keluar lagi nak kerja lagi. RM1.80 satu hari tahu tak? Ha pendapatan dia sebulan saya ingat RM60, RM50 lebih. Ha orang perempuan ni pendapatan, lepas itu ha bukan ada, saya ingat EPF[Employees' Provident Fund] adalah --

NM: *Time* [Masa] tu dah ada?

THA: Dah ada tapi tulah berapa sangatlah bilnya sampai berhenti kerja sebab EPF ada EPF memang ada. Itu pendapatan awak baru RM50, RM60 je sebulan, berapa awak nak EPF dapat? Ha itu daifnya dulu lah, mundurnya dulu dan jalan ni tanah merah ni memula jalan tanah merah. *Gravel* [Kerikil] tanah merah ni tahun 60an [1960an], baru ada buat tanah merah. Wah! Itu jam kita pun cukup pelik, wa cakap wa dah senang ah jalan, batu gravel je, tanah merah tu nampak lepas itu masuk api, masuk air, air tahun 67 baru masuk air paip. Itupun *phase* [fasa] yang pertama daripada jalan besar tu sampai depan rumah mak saya tu. 80 batang makna satu batu sahaja, okay. (Bunyi jam) Tahun 70 [1970] lebih masuk api, baru masuk api kampung ni. Tu pun sampai dekat rumah sini dekat budak UITM sewa tu ha situlah *last* [terakhir], pastu *last* tahun depan tu sambung lagi kampung depan. Ha bukannya lama, baru-baru lagi. (Bunyi Tuan Haji Batuk)

NM: Jadinya ha nampak ketaralah corak pentadbiran dulu dengan sekarang?

THA: Yelah memang ah.

NM: Pastu adakah Tuan Haji setuju jika orang diluar ha macam kata yang corak pentadbiran yang ada sekarang ni lagi baik daripada dulu?

THA: Eh memanglah, kalau dulu cuba awak bayangkan dulu? Dulu orang jadi ketua kampung ni kadang-kadang dia sekolah darjah dua, darjah tiga, kadang dia reti nulis je. Dia tidak ada *open minded* [fikiran terbuka], dia tidak ada pergi keluar tengok tempat orang satu, yang kedua dia bukan macam dulu ada pergi kursus macam sekarang. Diaorang pergi kursus pentadbiran, takde, ketua kampung, ketua kampung ah, duduk situ ketua kampung ha orang hormat masa tu, tapi awak mesti ingat orang duduk dalam kampung, yang ketua kampung. Ketua kampung itu adalah lebih baik daripada anak buah dia sebab dia boleh perintah, yang anak buah dia ni kebanyakan tak bersekolah. Bolehlah dia darjah dua, darjah tiga merintah orang ni, sebab dia tak bersekolah. Anak buah dia mana ada sekolah, takde sekolah. Sekarang perbezaan dia sudah lain. Awak nak jadi ketua kampung, awak yang dulu PHD[Doctor of Philosophy] pun ada, awak jadi ketua kampung apa kelulusan awak? Ha jadi, jadi bila dia pergi hantar pergi kursus jadi eloklah pentadbiran. Masa dulu British yang perintah, British pedulu apa kan? Dia penjajah, dia peduli apa dekat kampung? Dia suruhnya orang Melayu tanam padi, dia tak kasinya orang Melayu tanam getah. Bawa biji getah, atuk saya bawak biji getah dalam songkok taruk biji getah.

NM: Haa

THA: Dua tiga biji letak dalam songkok sorok. Kalau kena tangkap salah.

NM: Ouhh

THA: Biji getah, dia tak kasi orang Melayu tanam getah. Dia suruh orang Melayu tanam padi, tanam padi ni cuma kita boleh makan, payah kaya. Kalau dululah, macam dulu macam mana nak kaya? Engkau buat sawah padi pakai cangkul, berapa banyak eh engkau boleh taruk boleh letak engkau boleh tanam? Kan? Ha itulah orang putih ni (Tuan Haji berdecik) dia punya pentadbiran ni memang diaorang pijak. Dia pandai, *estate* dia merintah *estate*. Awak tengok macam mana dia...

estate orang putih. Dulu *estate* ni dibawah, dibawah *land natiotic* [tanah kebangsaan], *land natiotic* pastu bawah banyak ah pentadbiran. *Last* sekali kepada kita punya ah PNB[Permodalan Nasional Berhad] punya. Ha itulah dulu dulu bertukar tangan orang putih *land natiotic*, Arson and Crossfield yang punya, Dunlop semua orang putih kan? Jadi orang putih ni itu saya pergi satu orang putih ni dia jajah negeri orang, pentadbiran memang pandai. Dalam pada tu dia skru kita. Ha tu orang putih punya *style* [cara], sebab apa? Dia ha awak tengok eh macam sekolah anu Well ni Well ni majoriti dia punya kuli lagi pandai daripada kerani atas sampai kuli bawah orang Melayu. Dia tahu orang putih ni dia *study* [belajar], apa kegemaran orang Melayu. Melayu gemar main judi, gemar joget.

NM:(tertawa) joget

THA: Hari Merdeka dia cakap dengan kuli dia, dia kata Hari Merdeka dia sambut, ha tu yang kata orang putih ni baik kata dia, sambut Hari Merdeka. Keramaian apa pun, hari jadi Sultan ke apa dia sambut, keramaian. Dia kata ini besok Hari Merdeka kita ada joget, ada main *lotto* [judi], *lotto* tu main judi, awak beli satu kad macam tu ada nombor-nombor ah. Bukak-bukak nombor ni, macam P.Ramlee lah dalam citer apa tu yang bergaduh tu kan ha tu dia, judi. Lepastu kan tetapi yang cerdiknyanya 31 cuti sebelum 31 toreh mesti mahu *double* [berganda]. (Bunyi motorsikal lalu) Maknanya toreh tu awak mesti satu satu tas jadi mahu toreh dua tas. Dua hari jadi empat tas. Cuti sehari, yang tak toreh tu, tapi awak toreh untuk dia dah empat tas empat hari. Ha pandai tak pandai dia? Pastu dia jogetlah selagi tak kerja joget, main judi apa semua lantak kaulah.

NM: Ouh

THA: Ha itu orang putih punya *style*, sebab saya dulu duduk dekat dengan orang putih. Bapak saya mengajar *estate* dulu berapa lama *estate*.

NM: Ouh *estate*

THA: (Bunyi mendecik) Waktu tu masyarakat *estate* ni orang kita ni adoi susah, tak teratur dari segi agama dia kurang, dari segi apapun kurang. Lepas Merdeka barulah elok pentadbiran kan masuk ni macam-macam ah. Dulu dahsyat orang kita ni, yang saya tahu *estate* yang mana keling ramai pulak. Ada kedai toddy.

NM: Toddy?

THA: Kedai toddy yang orang India minum tu. Air kelapa tu nira kelapa tu. Kita panggil toddy ha sebab orang putih ni dia pandai, apa gemar keling? Keling suka main toddy, dia tak kira duit habis apa tu kerja, toddy mabuk dengan toddy. Kedai toddy tu pun cerdik, dia tak pakai gelas kaca tak pernah kedai toddy awak jumpa gelas kaca, mesti gelas ada cawan kole tu--

NM: Haa

THA: Haiyah sebab nanti dia mabukkan kalau kaca habis semua pecah. Yang tu lantaklah kau dia kata.

NM: Ouh

THA: Ha orang putih ni dia pandai, mana ada kedai toddy, toddy berlesen? Tak berlesen toddy.

NMA: Ouh jadinya kampung ni pun dikekalkan sebab salah satunya sebab dia punya penghulu lah dahulunya?

THA: Ha dulu penghulunya sini memang kira penghulu dilantik oleh Sultan dulu penghulu Kuntum nama dia Mat Ali orang panggil penghulu Kuntum. Itu penghulu yang paling yang yang paling kata Sultan biasa dengan dia ah. Dia biasa dengan Sultan ah.

NM: Ha okay

BAHAGIAN 2

NAA : Okay bahagian dua pulak saya nak tanya pasal aktiviti ekonomi masyarakat di awal pembukaan la, contoh dia macam bagaimana ekonomi masyarakat pada waktu dahulu sebelum ada kemajuan dekat kawasan ni ?

THA : Oh dulu kita buat memang kampung ni sawah padi lah. Sawah padi dan getah dia pun kendian. Sawah padi lah hidup dia sawah padi. Mungkin kan cari ikan lah haa (bunyi benda berlaga dengan meja)

NAA : Umphh

THA : Tapi waktu itu cari ikan sk—(Bunyi Tuan Haji hampir bersin) ikan banyak kalau dapat banyak pun nak jual dekat sapa

NAA : umphh

THA : Sebab orang kampung pun takde duit nak beli. Diaorang pun boleh cari sendiri satu, yang _____ padi la padi mungkin ada la orang jual sikit padi. Aktiviti padi lepastu baru adalah kebun getah. Kebun getah pun tak sempurna bukannya kebun getah macam sekarang. Alah biji benih, belum ada lagi agensi RISDA [Rubber Industry Smallholders' Development Authority] ni apa semua takde. Masa agensi RISDA ni dengan IJM[] ni masuk, saya ingat tahun 60an [1960an] baru yang yang paling aktif la dalam apa. Sebelum tu takde, sebelum tu yelah toreh la getah apa ni (Tuan Haji berfikir) ekonomi getah, sini ekonomi diaorang ialah noreh getah, sawah padi kerja *estate*. Pasal kita sini ada dua *estate*, satu Well Estate, satu Narappa Estate. Narappa Estate tu *estate* India, ha *estate* India tapi sekarang dah jual dengan Matang. Makna sekarang _____ sendiri punyalah. Estate Well ni dah jual dengan PNB [Permodalan Nasional Berhad] lah haa tu dia. Itulah dua tempat haa lagi satu lagi, *estate* dekat sini United. Tu estate dekat—(Tuan Haji berfikir) Pulapol dekat Pulapol.

NAA : Oh dalam sana tu la

THA : Haa dalam sana tu ha itu, inilah tiga, orang sebelah sana banyak kerja *estate* sana, orang sebelah sini majoriti kerja dekat dekat Estate Well ni. Awak ingat senang ke dulu nak masuk kerja *estate* ni ? Nak noreh

NAA : Susah, dulu pun susah.

THA : Haa susah nak masuk, Mando dia bukan main bukan main sombong. Mando-mando, mana orang kita _____ lepastu lambat la datang noreh, luka, noreh tu tak cantik, kena marah haduh ye.

NAA : *Strict* [Tegas] betul

THA : Kadang-kadang kesian tengok, _____ daripada orang putih la benda tu. Kena inci maknanya satu bulan kau boleh toreh satu inci je.

NAA : Uish

THA : Ada tanda—dia tu. Jadi yelah orang kampung, itulah ekonomi dia. Pergi naik basikal, *estate* jalan merah. Sekarang lah baru elok apa semua kan. Sekarang banyak pulak orang tak nak kerja *estate*. (bunyi motorsikal lalu) Haa masa kerajaan dah, kita dah Merdeka dah apa, orang *estate* tu dia tawarkan kebun bukit _____.

NAA : Oh

THA : Dia bukak kebun _____, baru mohon. Masuk rancangan FELDA [Federal Land Development Authority] banyak haa buat ha itu yang *estate* tu macam takde orang . Dulu orang Melayu suka masuk estate pasal apa ? Pertama ada rumah.

NAA : Oh rumah.

THA : *Estate* ada rumah, haa *estate* ada api, maknanya elektrik dia walau pakai *generator* [penjana]. Malam ada api haa ada air paip. Itu je la pakai air dia la, dia *estate*. Dia besar. Orang kita ni jual, itu pasal tak maju makna yang maju, yang mana hantar anak dia sekolah, majulah. Awak tahu tak pernah Johor ni, SS[] dia anak estate. Haa baru lagi, budak tu sama asrama dengan saya dulu tapi malangnya dah meninggal, Dato' Razali Muhsin. Dato' Razali Muhsin asal...

daripada Well Estate, Well Estate. Lepas tu dia belajar, duduk asrama dengan saya lepas tu dia dapat pelajaran ke Sekolah Alam Shah. Dulu Sekolah Alam Shah ni *top* [atas] awak tahu tak ?

NAA : Umphh

THA : Majoriti keluar daripada Sekolah Alam Shahni kebanyakan jadi PTD [Pegawai Tadbir Diplomatik], haa PTD walaupun dia pilih medium. Dia pilih medium tapi dia masuk sekolah Alam Shah lepas tiba sana dia Bahasa Inggeris. Haa serupa dia macam ITM, sebelum jadi Universiti- - ITM ni UITM. Dia ITM saja. Tahun 60-an tu dia ITM saja, duduk di Jalan Othman. ITM ni Jalan Othman.

NAA : PTD tu *full form*, nama penuhnya apa ?

THA : Pegawai Tadbir Diplomatik.

NAA : Oh

THA : Haa kalau, kalau situ. Kalau Johor dia panggil JCS [Johor Civil Servant], aaa Johor kalau DO ni JCS. Johor Civil Servant aa JCS, Johor Civil Servant, banyakkann majoriti diaorang daripada Alam Shah. Sekolah Alam Shah la tu budak terpilih la dekat situ pergi an. Termasuk la tu arwah Razali ni Razali Muhsin. Dia asal daripada *estate*, daripada *estate* tu. Tak ingat ha tu la dia anak SS[Setiausaha Syarikat]. Dia SS, yang tertinggalah. Dalam satu negeri yang tertinggi jawatan SSR[] kan. Menteri Besar tu politik.

NAA : Umphh

THA : Haa kalau daripada kerajaan SSR la.

NAA : Kan macam Tuan Haji cakap ada Mando kan ? Mando tu terdiri daripada memang British yang *hold* [pegang] ke ataupun ada orang Melayu ?

THA : Tak masa British *estate* tu dia punya.

NAA : Umphh

THA : Biasanya *manager* [pengurus] dia Mat Salleh. Haa kadang-kadang *assistant* [pembantu] dia tu adalah orang Melayu atau pun orang India. Tapi di Well Estate ni, yang mana dia punya *assistant*, *manager* sampai orang bawah dia orang Melayu. Orang Melayu. Haa sebab musim Komunis, Komunis selalu kacau *estate* kan, _____ getah apa semua, orang Melayu yang *defend* [mempertahankan] *estate* ni. SC[] orang Melayu, orang pun Melayu *defend estate* ni. Jadi mengenangkan jasa tu jadi ni *estate* ni, Well Estate ni, dulu orang Cina panggil UKAM.

NAA : UKAM ?

THA : Well Estate ni UKAM.

NAA : UKAM ?

THA : Haa nama Cina tu.

NAA : Memang UKAM la takde--

THA : Nama Cina tu dia panggil Yu Kam Long.

NAA : Oh, nama cina (tergelak)

THA : Well Estate tu nama Cina Yu Kam Long, lepastu pada omputeh kata Welch Estate W-E-L-C-H, Welch Estate dibawah London Initiative mula-mula. Lepas tu _____ and Crofield, HNC kan, agensi *latex* [susu getah] tu _____ and Crofield. Lepas tu tukar-- sampai la Golden Home, tukar-- sampai la pergi PNB sekarang. Itu la masyarakat orang kita dulu di *estate*, bila kita dah Merdeka kerajaan dah nampak. Dah nampak orang Melayu ni kalau *estate* dia tak boleh pergi mana. Dia punya hanya boleh hidup, makan, tidur, beranak tu je. Estate tu dia macam tu dan itu pasal orang putih punya pandai, tiap-tiap pekerja perempuan dia yang melahirkan anak dia bagi duit RM180. Haa orang kampung dapat tak ? Tak ada boleh dapat, pasal dia dah bagi RM180 awak dapat anak satu kan bagi satu. Sebab *target* [sasaran] dia anak tu besok akan jadi pekerja dia. Bukan nak suruh jadi pandai tak ada, dia tak suruh pun jadi pandai. Orang dijajah dia tak akan suruh Bumiputera ni pandai, tak ada.

NAA : Memang.

THA : Dia tak akan bagi Bumiputera ni pandai, itu la dasar penjajah. Suruh ikut dia, kau macam tu, bapak kau macam tu, mak kau pun macam tu, anak kau, cucu kau, cicit kau. Buat je rumah *estate* huh cantik memanjang. Dia duduk mesti atas bukit. Dia duduk atas bukit *manager* [pengurus] dia.

NAA : Dia kena selamat dulu.

THA : Dia tak akan duduk dekat situ, dan kalau musim Komunis, SC jaga rumah dia.
Bukan jaga *estate*, jaga rumah dia haaa

NAA : Umphh

THA : Orang putih.

NAA : Dia pikir yang kepentingan dia je la

THA : Haa memang la penjajah itu. Kalau kita nak kira itu penjajah dasar dia memang macam tu. Dia tak boleh, dia bukan macam pikir-pikir nak membela orang tempatan, tak ada. Penjajah mesti nak menekan orang-orang tempatan, tu sebab kita cukup anti dengan penjajah ni sebab kita tak suka penjajah itu la pasalnya. Sebab penjajah ni tak kan nak tolong kita, tak kan nak tolong terutama Bumiputera. Dia mesti nak jajah.

NAA : Selain tu, macam nilai wang dahulu kan macam tinggi kan, dia mampu ke menampung. Macam sekarang kan tak mampu kan, dia macam sekarang kena *range* [julat] gaji pun kalau tiga ribu pun tak cukup, dulu cukup ke ?

THA : Haa dulu, dulu tahun (Tuan Haji berfikir) 70 [1970] lah, awal 70 atau pun tahun 60an [1960an]. Awak tahu tak satu orang kerani masuk kerja gaji dia rm137.50, ha kerani, RM137.50. *Junior technician* [Juruteknik junior] RM90.

NAA : Umphh

THA : Piun, RM60.

NAA : Piun ?

THA : *Office boy* [Budak pejabat] lah

NAA : Oh

THA : Dulu orang panggil piun, piun pun *ye, office boy* tu Bahasa Inggeris. Orang Melayu panggil piun budak pejabat sekarang orang panggil tu jugak, RM60. Office bo-- kerani RM137.50 eh RM137.50 dah boleh beli Vespa. (Penemu ramah tergelak) Dah pakai Vespa tu dah kira terror la waktu tu haa (Penemu ramah ketawa) kalau kita (bunyi siren ambulans) tackle perempuan tentu dapat punya la kalau pakai Vespa. Sekarang sebelah mata pun tak pandang haa (semua ketawa) itu lah zaman tu. Haa saya tempuh zaman tu, saya tau. (Bunyi telefon bimbit bergetar) RM137.50. Guru DCC[] RM180, lepas tu naik dua-- kalau ada SPM[Sijil Pelajaran Malaysia], waktu tu RM210 gaji.

NAA : Umphh

THA : Dulu kerja cikgu ni LCE je, Lower Certificate of Education tingkatan tiga lah PT3[Pentaksiran Tingkatan Tiga] sekarang. Jadi cikgu ha RM180, ada MCE RM210. Pergi Language Institute orang pandai, RM310 keluar gaji. Oh itu dah cukup keluar dia tak nak campur pulak dengan _____ oh dia lagi tinggi dia dah...

dah daripada Language Institute. Aaa depa panggil Institut Bahasa di pantai an haa. Itu dulu ar. Jadi ekonomi orang kampung ni, orang sawah padi, kerja *estate*. Noreh kat *estate*, nak noreh kampung, orang kampung mana ada getah, *estate* la.

NAA : Kalau macam dulu kan, sekarang kan ada kerajaan swasta kan? Dulu ada ke kerajaan swasta ni ?

THA : Kerajaan swasta macam mana ?

NAA : Macam ke dulu macam *fully* [sepenuhnya] macam semua kerajaan ke *time* [masa] tu takde--

THA : Oh boleh dikatakan semua kerajaan tahun dulu, kalau dapat kerja kerajaan pun dah cukup mudah la waktu tu. Awak tengok ea nak cari swasta saya rasa tu takde, kerja dengan **Tokey** Cina je la, ataupun *estate*. Kalau nak kirakan anu takde, sebab apa awak tengok ea JKR [Jabatan Kerja Raya Malaysia], masa tu tak panggil JKR, PWD [Public Work Department], PWD, DID[Department of Irrigation and Drainage] itu semua kerajaan punya kan. Town Board Local Council, aaa itu semua kerajaan tempatan la, itu semua kerajaan. Dapat kerja jadi tombok mana cukup cuci longkang tu, tu pun dah kira makan gaji. Ataupun kerja PWD, PWD awak tahu apa kerja-kerja tu ?

NAA : Tak

THA : PWD ni kalau sekarang JKR, dulu PWD cakap orang putih Public Work Department.

NAA : Oh

THA : Haa dia kerja nempah jalan.

NAA : Umphh

THA : Lepas tu baru RM60, RM70 gaji sebulan tapi dia tetap ar. Lepas tu DID, DID tak berapa banyak sebab dia-- DID ni adalah Drainage and Irrigation Department, parit dan saliran. Sekarang JPS[Jabatan Pengairan dan Saliran] la.

NAA : Umphh

THA : Dulu DID. Aaa buat kerja tu pun boro-boro je, lepas tu dapat la ada, ada pasal sekolah Inggeris, kalau ada SE[] dapat la jadi dia punya dia panggil *Junior Tech*, haa juruteknik rendah. Haa jawatan dia juruteknik rendah. Mana ada dulu jawatan-jawatan yang ano tak ada. Yang ada tu orang yang sekolah Inggeris, masa tu yang dapat la bagi jawatan baik-baik sikit kan sebab orang Melayu ni darjah enam, amenda. Darjah enam pun alahai, dapat lah kerja kerani.

NAA : Yang ada, apa yang ada je lah yang dapat la oh.

THA : Haa memang.

NAA : Umphh yang macam dulu yang Tuan Haji cakap kan ada kereta lembu, basikal, perahu, ada kenderaan lain ke yang digunakan ?

THA : Tak ada. Kebanyakan kereta lembu, basikal, basikal pun tak cukup syarat boleh kayuh je.

NAA : Umphh

THA : Entah _____ entah mana apa *paddle* [dayung] pun tak ada pakai besi sebatang aja macam tu lah. (bunyi bisikan) Yelah basikal pun teruk-teruk la, kalau ada rally tu, yang ada *speed* [kelajuan] tu yang malam tek-tek-tek tu.

NAA : Oh a'ah

THA : Haa tu dah cukup, dah cukup terror la tu.

NAA : (ketawa)

THA : Oh cukup terror masa tu kalau ada basikal tu. Kereta lembu saya pernah jumpa tapi Cina punya kereta lembu la, _____ kayu.

NAA : Umphh

THA : Haa lepas tu, perahu sin-- dah tak ada, masa saya, saya dulu tak ada. Sungai pun dah kecil, dalam tapi dah kecil perahu memang tak ada. Sini perahu tak ada, kalau ada pun kalau tebing tinggi.

NAA : Umphh

THA : Sebab dia, dia sungai besar, dia sungai Muar haa waktu tu. Yang ada tu lah *transport* [pengangkutan] dia basikal, kereta lembu. Tu sampai tahun ni lah, haa kendian tu ada motor lah apa lah sampai sekarang.

NAA : Umphh

TH : Jadi dia punya *gap* [jurang] dia perbezaan dia dulu dengan sekarang, orang masa sekarang barang mahal tapi mewahnya orang sin-- orang sekarang. Ni orang sekarang jauh daripada dulu, awak tengok budak sekolah kan naik motor, tak ada dah jalan kaki lagi. Dulu jalan kaki, sekarang budak sekolah paling bodoh bawak motor.

NAA : Untuk aktiviti sosial, gaya hidup masyarakat orang dulu kan, macam mana gaya hidup dia masa awal-awal?

THA : Oh dulu, dulu kalau masyarakat kita ni, kita amik dari aspek agama. Waduh tak ada macam sekarang, surau saya ni ada satu, surau ni asalnya yang lama tiang dia kayu macam tu. Batang tembesu tiang dia, atap daun, guna dia waktu bulan puasa sahaja. Lepas tu takda takda guna. Terbengkalai macam tu je, atap daun, lantai papan. Tak ada, aktiviti agama cukup kurang. Ha dari segi kerja kahwin, kawin balai tak ada apa semua jadi dari situ muafakat dia okay lah. Sebab apabila satu rumah tu nak buat kerja kahwin, haa diaorang pergi la ramai-ramai bergotong-royong tolong cucuk atap, haa beratap khemahkan buat daripada buluh haa lepas tu tempat duduk dia tu buat dua-dua panjang macam tu kan.

NAA : Umphh

THA : Pakai buluh, ha itu je la. Kadang-kadang orang perempuan punya, dia bentang, bawah pondok tu dia bentang tikar, tikar mengkuang tu. Bawah tu buat tebal sikit, takut ada anu apa ni, tercucuk bontot apa semua (Penemu ramah tergelak) lepas tu taruk lalang.

NM : Lalang.

THA : Lalang-lalang tu tebal bawah taruk-taruk, taruk kan tikar atas tu duduk haa macam ada macam ada--

NAA : Empuk sikit laa.

THA : Lembut sikit la (Tuan Haji ketawa) ha itu la dia, duduk bersila la tu kalau tak pun dalam-- makan bersila, pakai dulang satu hidang-- macam tu ha (Tuan Haji tepuk lutut). Alah jemputannya pun, kalau ada 300 orang dia jemput tu orang tu entah orang kaya la, kenduri besar la tu 300 orang jemput. Ha itu la orang kampung, yaa tangkap la ayam kampung. Asalkan diaorang-- tapi okay sebab diaorang bawak seekor ayam, dua ekor ayam, orang tu bawak beras sikit, orang tu bawak ni sikit, orang tu bawak kuih bahulu sikit, orang tu bawak ni sikit, bawak sikit macam tu lah, bercampur kalau ada orang kahwin. Lepas tu lampu masa tu dah lampu gas, lampu gas tu letak lah bawah rumah (bunyi jam). Ada pulak orang, satu orang atau pun dua orang budak muda _____ “ Jaga lampu kau”, ha petang diaorang dah *start* [mula] pam lampu. Bubuh minyak gas, pam lampu, teranglah. Itu lah aktiviti lain mana ada.

NAA : Umphh, meriah jugak la waktu tu.

THA : Eh meriah waktu tu cukup meriah la tu. Kalau ada orang kahwin, sebiji rumah tu ada orang kahwin misalkan ni ye la rumah jauh-jauh kan cukup meriah la bila rumah tu ada lampu gas terang. Lampu gas tu bukan dia punya, haa dia ada satu pinjamkan, ni ada satu. Rumah kawan tu bergelap lah malam tu, (semua ketawa) dah bagi pinjam dekat orang sebelah tu haa. Eh daif masa tu, awak jangan ingat senang woo masa tu daif. Saya nempuh semua tu lagi.

NM : *Time* [Masa] tu lilin pun takde.

THA : Berapa orang je ada lilin, ada lilin pun sebatang tu pun anu kan ni penjahit baju tu kait benang.

NAA : Umphh

THA : Sauk benang, panjang-panjang ni ha lepas tu kontot lilin, lilin buat kadang-kadang buat daripada lebah punya sarang tu.

NAA : Oh buat sendiri la

THA : Ha buat sendiri, halah susah la dulu awak nak cerita memang teruk.

NAA : Jadi, dulu ada balai raya untuk penduduk mesyuarat ?

THA : Eh mana ada.

NAA : Oh tak ada.

THA : Mana ada, tak ada balai raya ni tahun berapa.

NAA : Ni baru lagi la.

THA : Baru lagi ada balai raya, ada tu ada ni semua ni, semua ni baru.

NAA : Oh

THA : Dah kita dah Merdeka, berapa tahun merdeka boleh 10 tahun merdeka baru ada tahun 60an [1960an] baru ada balai raya tu. Ada satu balai raya tu, dengan tingkap tingkap _____ tu kan. Bila sekarang orang orang buat rumah tingkap tu, diaorang cakap, “Kau ni apa lah tingkap rumah kau tingkap balai raya”. (Penemu ramah ketawa) Jadi dia satu jadi anu pulak tingkap balai raya kan tapi kalau dulu tingkap tu dulu kira terror ar.

NAA : A’ah.

THA : Rumah mak saya pun tingkap tu jugak sekarang tapi dulu dia punya tu memang, memang tahan la kan. Tingkap balai raya.

NAA : Kalau--

NM : Cermin ni ha

THA : Ha ?

NM : Cermin yang--

THA : Ha cermin yang masuk sekeping sekeping ni. Dia slaid sekeping-sekeping.

NM : Rumah saya pun guna lagi cermin ni.

THA : Ha itu la dia, tu tingkap balai raya la tu. Ha itu la, apa lagi nak cakap ?

NAA : Kalau pasal kisah atau maklumat menarik lokaliti, ada ke cerita-cerita yang orang luar masih belum ketahui tentang Kampung Kubu Dedap?

THA : Ada juga la mungkin orang yang belah peringkat-peringkat baru ni tak tahu kisah Kampung Kubu Dedap, perang Jementah mana dia tahu, yang baru tak tahu, kebanyakannya tak tahu. Diaorang tak tahu sapa Panglima Layout, sapa Tok Siban, Panglima Xin Cu tu. Panglima Xin Cu tu mati dalam-- kena tangkap. Panglima Xin Cu tu kena tangkap, mati dalam Sarip Jail, maknanya *jail* [penjara] Tuanku ar. _____ orang luar kalau awak tak, tak kaji sejarah apa semua dia tak tahu, orang kampung biasa je.

NM : Tu la macam kitaorang jugak la mula-mula.

THA : Haa

NAA : Tak *expect* [sangka] pun ada sejarah macam ni

THA : Ha tak ada tak ada, haa ni artifak dia tak ada la, artifak-artifak dia tak ada

NM : Sebab artifak dia--

THA : Tak nampak la, tak ada. Dulu atuk saya ye la zaman-zaman dulu, ada la simpan keris apa semua kan.

NAA : Umphh

THA : Tapi--

NM : Sekarang dah tak ada la

THA : Ha benda tu dah, bila kita dah pangkat cucu, atuk saya beri pada anak dia, anak dia beri pada anak dia, tak beri pada saya la. Sebab saya dah pangkat cucu tu lah.

NAA : Tapi Tuan Haji dapat tengok la macam keris ke ?

THA : Dapat, dapat tengok. Nenek saya punya keris tu, dia keris panjang boleh berelok la maknanya ada lok lepas tu dia punya dokok tu, temin dia tu emas.

NAA : Umphh

THA : Emas, daripada emas. Tapi kena dengan atuk saya, jual yang dokok tu. (semua ketawa)

NAA : Dia bukak nya.

THA : Ha bukaknya jual, apa susah. Dah kopek RM15 apa masa tu laku, saya ingat macam tu la RM15. Lepas tu orang sini panggil tetawak tau, gong.

NAA & NM : Oh gong.

THA : Gong tu ada satu, ada satu dulu tapi ye la saya ni cucu, atuk saya beri pada anak dia, tak ke saya, saya tak dapat apa-apa benda lah.

NAA : Dapat tengok je la

THA : Ha dapat tengok la tetawak, itu je la yang takde.

NAA : Kampung Kubu Dedap ni dia kan besar kan, jadi dia merangkumi kawasan dari mana ke mana ?

THA : Dari-- tapi sebenarnya sebenarnya kalau ikut sejarah dia, daripada simpang jalan tu sampai pertengahan tu.

NAA : Oh situ je tak sampai belakang sana.

THA : Ha situ je saja, belakang atas sikit kubu tu belah atas sikit je. Yang sana tu tapi apabila dia dah Merdeka ni, dia buat persempadanan. Ha dia buat sampai dekat masjid tu, yang ada belah sini semua dia buat Kampung Kubu Dedap.

NAA : Oh

THA : Dan ketua kampung dia, dua kampung jadi satu ketua kampung maknanya Kubu Dedap dan Sungai Siput.

NAA : Oh

THA : Ketua kampung yang satu. Tu la satu ketua kampung, sampai sekarang la macam tu jadi Sungai Siput, Kubu Dedap.

NAA : Patut la Google Kampung Kubu Dedap, dia pergi ke Sungai Siput.

THA : Ha dia memang Sungai Siput tu.

NAA : Oh

THA : Tapi ketua kampung tu dia atas nama kampung -- tak silap saya, Kampung Sungai Siput la, (bunyi jam) ketua kampung tu. Sebenarnya Kubu Dedap ni dulu, disebutnya Kubu Dedap ni, dia diiktiraf bagi Sultan, pada Sultan orang menderhaka, orang menderhaka.

NAA : Menderhaka kenapa tu ?

THA : Sebab Perang Jementah tu kan orang Kubu Dedap melawan Sultan.

NAA : Oh

THA : Haa sebab kita tak nampak orang Jementah jadi askar Tuanku, tak ada. Memang kena halau balik. Pergi *interview* [temuduga] tengok alamat Jementah, halau balik.

NAA : Oh macam tu ea.

THA : Ha tu la tak ada. Mana ada orang Jementah jadi askar Tuanku, Johor of Forces ada diaorang Johor Military Forces[JMF], tak ada.

NM : Kalau dulu la ke sampai--?

THA : Sampai sekarang pun tak ada, mana ada. Mana ada Johor Military Forces[JMF] orang Jementah. Orang Muar, Batu Pahat lain boleh, orang Jementah tak boleh. Alamat Jementah je habis.

NM : (ketawa)

NAA : Terus *blacklist* [senarai hitam] la.

THA : Ha *blacklist*.

NAA : **Macam dulu kan ada macam orang India, orang Cina kan ada ke pertelingkahan antara kaum gitu ?**

THA : Sini itu tak ada la, sebab pasal Jementah ni orang India tak ramai. Orang India dulu ada di *estate* aja, orang Cina ni sebenarnya Cina ni dulu-dulu duduk bersepah, merata dalam kebun. Jadi apabila musim Komunis datang, masa Bricks Law, buat Bricks Law dikumpulkan orang Cina tu letak dekat Kampung Baru tu. Tahun '51 [1951] Kampung Baru tu dibukak, tahun '51 dibukak Kampung Baru kumpul orang Cina tu, dipagar keliling tu, tak boleh keluar masuk ada polis jaga. Haa nak pergi noreh nak pergi mana *check* [semak] yang ada bawak beras, bawak apa garam, ubat-ubatan semua tak boleh bawak. Takut dia beri kepada Komunis.

NAA : **Umphh, kalau pasal pembangunan dan kemajuan semasa, masa pembangunan yang pembangunan dari dulu sampai sekarang apa ?**

THA : Eh banyak, tahun 60an [1960an] dulu kerajaan bukak tanah di Sengkang Legeh, di Bukit Caling, itu semua kerajaan bukak untuk orang kampung. Jadi disitu lah datangnya ekonomi orang kampung boleh naik sikit, diaorang tanam getah. Sekarang berubahlah ada yang buat dusun, ada yang tanam kelapa sawit... apa semua. Itu tahun 60an [1960an] semua baru bukak tanah, di Sengkang Legeh

tahun 60an [1960an], bukak Caling pun macam tu. Di batu 7 tu, dekat ITM [Institut Teknologi MARA] awak tu ada satu kawasan-kawasan tu dulu bekas-bekas SC[] dikurnia oleh kerajaan tanah daripada situ, yang ada sekarang tu.

NAA : Jadi bersepah la

THA : Jadi orang kita adalah tanah sendiri mana yang rajin kerja tu dia majulah, tu je lah. Tanam getah, ada hasil getah, ada hasil apa, tu je lah.

NAA : Yang Tuan Haji cakap pasal surau ni kan, kan daripada kayu sampai batu ni surau ni daripada tahun bila ?

THA : Ni tiga kali, tiga kali, ni yang ketiga.

NAA : Oh

TH : Mula-mula dia kayu bulat, atap daun lepas tu dia tukar kepada sekerat batu sekerat papan. Kalau awak nak tengok model dia yang ada sekarang adalah lepas pada pejabat pos, ada satu sekolah tadika tu. Tadika tu ha tu itulah surau dulu, macam tu lah keadaan dia. Surau kita tu lepas tu dirobuhkan buat surau batu ni, tahun '91 [1991]. Masa tu saya jadi pengerusi surau ni.

NAA : Oh

THA : Tahun '91 [1991] baru lagi la masa tu sampai sekarang. Tu lah surau tu dibaiki sikit, sikit, sikit.

NAA : Surau dia, surau yang ni memang nama dia yang ni je la tak ada tukar nama lain ke ?

THA : Ahh tak ada, saya pun tak tukar nama surau ni. Ada orang taruk surau Al-Mutaqqin la, surau itu la, surau-- Saya tetap surau Kubu Dedap haa surau Kubu Dedap. Dia tak beri nama. Saya jadi pengerusi, kalau besok saya dah berhenti jadi pengerusi orang lain dia nak taruk nama taruk nama ar. Ada orang taruk nama kan, surau tu Al- tu Al ni apa semua, Al-Azim, Masjis Al-Azim. Masjid Paya Jakas memang Paya Jakas, Masjid Paya Jakas. Lain semua ada nama, perlu ada nama, macam-macam Al- lah, saya pun tak tahu lah cakap Arab ni Al- apa Al- tu Al- semua lah. (Penemuramah tertawa) Kita tak ada.

NAA : Oh, umphh kalau macam infrastruktur tu macam tahun bila kerajaan bagi Wi-Fi ni apa benda semua, macam yang maju-maju ?

THA : Kita sini hari tu memang dulu ada dapat Wi-Fi, tapi dah zaman dulu tu saya tanya diaorang, “Tarik balik kenapa ni, amik balik ?” Dia kata, “Kerajaan tak bayar.” _____ tarik balik, tak ada sini tak ada Wi-Fi. Ni saya pakai sendiri punya, saya pakai Unifi sendiri, bayar sendiri (Tuan Haji tergelak)

NAA : Oh

THA : Mana ada sini tak ada.

NAA : Dulu tak ada TM [Telekom Malaysia] apa semua tak ada lah

THA : Tak ada, dulu ada tapi sekejap je tak lama lepas tu kerajaan tak bayar. Haa ni dulu dekat surau tu tempat dia.

NAA : Pencawang dia.

THA : Dia bukan pencawang la dia macam alat dia tu kan

NAA : A'ah

THA : Ada la dekat situ, dekat situ ketua kampung yang dulu, dia ada dapat dekat situ. Lepas tu dia datang tarik, kenapa tarik saya cakap, dia kata diaorang ni tak bayar ni kata dia anu kerajaan tak bayar.

NAA : Sekarang masih ada ke macam kes-kes macam kejap *blackout* ke, air tak ada ?

THA : Banyak kurang dah, daripada segi api, air. Sekarang la memang kurang kecuali sesuatu-sesuatu kes sebab kita dulu minum air Gunung Ledang, tapi sekarang tak kita dah amik air Sungai Kapeh. Segamat punya air datang ke mari, hantar naik *reservoir* [takungan air] atas bukit tu, dekat Taman Saujana. Haa baru turun balik ke mari. Yang sana Sungai Gunung Ledang punya tu, air Sungai Gunung Ledang hantar ke Kampung Baru Teratai.

NAA : Dia tukar sebab apa, kenapa dia tak *stay* [kekal] pada-- ?

THA : Tak cukup *supply* [bekalan] sana.

NAA : Oh

THA : Kalau nak bagi si Ledang, nak bagi Teratai, bagi sini tak ada *supply*. Sebab (bunyi motosikal lalu) air dah sikit, air Gunung Ledang pun dah sikit. Kalau... musim kemarau, alur dah sikit sini sungai ni alur tinggal besar ni je kalau musim kemarau panjang. Dah kecik.

NAA : Cetek dah.

THA : Ha cetek, cetek tu je lah.

NAA : Ada ke banjir macam sekarang kan macam hujan ?

THA : Ada kilat, *flash flood* lah, banjir kilat. Kalau hujan terlampau lebat dia naik sekejap tapi awak tengok hari ni, tengah malam misal kata dia naik haa pagi esok dah kering macam biasa

NAA : Dia tak berhari-hari macam--

THA : Ahh tak ada, kita tak ada banjir termenung tak ada. Diaorang panggil *flash flood* la, banjir kilat. Satu kali langgar je air dia.

NAA : Ada ke kerajaan bagi macam bagi inisiatif untuk majukan lagi kampung ni ke, ke dia dah tak bagitahu apa-apa dah sekarang?

THA : Sebenarnya ada, tapi masalah dia kita sini RISDA ada bagi, awak tengok tu *signboard* [papan tanda] rumah ada AET [Aktiviti Ekonomi Tambahan], tu dekat Pak Maon ada satu signboard RISDA tu AET, Aktiviti Ekonomi Tambahan. Itu semua dibagi orang kampung, dalam ni ada satu lagi AET. Budak tu buat kek, buat kek an itu semua bantuan kerajaan tu RM10,000 tu. RISDA bagi RM10,000 RM10,000, semua ada AET tu RM10,000. Termasuk orang rumah saya, orang rumah saya ada AET tu, sebab dia jahit.

NAA : Oh

THA : Bahagian jahit dia situ kedai, dalam tu buat kek, dalam lagi ada lagi lah, banyak lagi, AET. Kerajaan banyak tolong, RISDA ada bantuan, bantuan semula okay. Yang sekarang yang paling anu sikit yang tak nampak sangat dia punya bantuan dia sekarang MPOB [Malaysian Palm Oil Board].

NAA : Oh

THA : MPOB, kelapa sawit. Kita buat baru tak ada bantuan, dia suruh pergi pinjam dekat Agrobank tapi RISDA datang tanam semula ada lagi. Bantuan musim tengkujuh ada lagi dia bagi, bantuan baja, selalu dibaja (Bunyi Tuan Haji batuk) untuk getah dewasa ada, lebih lebih tak ada. Pertanian ada sikit-sikit la pertanian, banyak agensi kerajaan ada bagi tolong orang Melayu tapi kita nak cakap apa orang Melayu ni bukan semuanya anu. Dapat baja kadang-kadang jual, haa itu je kelemahan dia. Bukan kita nak menidakkan kerajaan tak, semua kerajaan ada tolong yang lagi yang tak anu yang tak peka orang kita sebab dia. Dapat, jual, baja jual. Apa barang, dapat racun *free* [percuma] jual.

NAA : Semua dia jual habis.

THA : Itulah tu, yang itu masih lagi tak tahu lah tak dapat nak dididik lagi segitu lah.
Kesedaran dari segi tu tak ada.

NAA : Jadi nya macam kitaorang ada tengok satu video tau dekat Youtube an, macam dia orang jauh ar datang sini tapi saya tak tau dia interview siapa, dia bagitahu macam kawasan kebun getah yang depan tu kawasan kubu betul ke ?

THA : Kebun getah yang mana ?

NAA : Kebun getah yang depan ni je.

THA : Tak ada sebenarnya yang kubu tu tak masuk dalam kebun getah, tak masuk.
Kebun getah tu -- kubu tu sekarang ada dua rumah dalam kubu tu sekarang. Ada dua rumah dalam, yang betul-betul dalam kubu. Kubu tu dia tak jauh dia bukan kata kubu yang besar ke apa, tak ada besar la.

NM : Yang ada rumah kosong tu ea ?

THA : Ada dua biji rumah tu tak ada.

NAA : Dekat pokok besar tu ke?

THA : Ada dua biji rumah, haa.

NM : Yang rumah warna putih tu.

TH : Tak ada dia rumah sebelah kiri, kubu dia awak jalan ni masuk belah kiri tu kubu.
Rumah tu duduk dalam kubu tu, rumah dua biji tu dalam kubu. Masuk ni tak jauh la belah kiri, ha itu kubu tu. (Azan berkumandang)

NAA: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai peristiwa pembukaan Kampung Kubu Dedap bersama Tuan Haji Ariff bin Haji Abu Hassan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang senibina dan arkitek para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

TEMUBUAL SELESAI

6.0 LOG TEMUDUGA

Bahagian 1

| MASA (MINIT) | DESKRIPSI | PERKARA |
|---------------|-----------------------|--|
| 00:52 - 5:51 | Latar Belakang Tokoh | <ul style="list-style-type: none">• Nama tokoh Haji Ariff bin Haji Abu Hassan• Umur : 73 tahun• Tarikh lahir : 25 Februari 1950• Beliau bekerja sebagai seorang petani• Nama isteri : Hajah Aminah binti Osman• Bilangan anak : Lima orang anak• Cita-cita : Melanjutkan pelajaran lebih tinggi sehingga ke overseas• Pencapaian tertinggi : MCE• Beliau begitu mengingati sejarah kampung ini kerana beliau dilahirkan di Kampung Kubu Dedap dan berminat dengan sejarah.• Beliau terlibat dengan Persatuan Sejarah Segamat apabila beliau dikunjungi seorang yang bertanyakan tentang kawasan kubu. |
| 05:52 - 09:03 | Asal Usul Pembukaan | <ul style="list-style-type: none">• Jangkaan tahun Kampung Kubu Dedap dibuka adalah sebelum 1879.• Kampung ini tercipta apabila kawasan kampung ini berdekatan dengan sungai di mana ia sesuai untuk perhubungan, sumber makanan, dan sumber air dan juga berdekatan sawah padi. |
| 09:04 - 12:33 | Kisah di Sebalik Nama | <ul style="list-style-type: none">• Nama Kampung Kubu Dedap dicipta |

| | | |
|---------------|---------------------------|---|
| | | <p>kerana adanya kawasan kubu dan batang dedap di kampung tersebut setelah peperangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Setakat ini nama Kampung Kubu Dedap tidak pernah lagi ditukar ke atas nama lain. |
| 12:34 - 15:33 | Tokoh Perintis | <ul style="list-style-type: none"> ● Tokoh-tokoh di Kampung Kubu Dedap tidak dapat diketahui tetapi beliau beritahu tentang tokoh yang lari dari peperangan Jementah. |
| 15:34 - 32:34 | Keadaan di Awal Pembukaan | <ul style="list-style-type: none"> ● Kawasan kampung tersebut dikelilingi paya, jalan asalnya seperti lorong atau denai, dan jarak antara rumah ke rumah adalah jauh. ● Panglima-panglima yang terlibat dengan perang Jementah dan menetap di Kubu Dedap adalah Panglima Xin Cu, Panglima Besar Layot, Panglima Besar Muda Salim, Tok Siban. ● Keadaan kubu dahulu hanya ada tiga dinding dan dinding ke arah paya tidak ditembok kerana jika berlaku peperangan memudahkan perempuan-perempuan dan anak kecil untuk melarikan diri. ● Bilangan penduduk kampung sangat sedikit boleh dikatakan tidak mencecah 20 buah rumah. ● Terdapat sebuah kawasan di dalam kampung tersebut dikenali sebagai Pulau dimana tempat tersebut merupakan kawasan bunian dan dipercayai bunian tersebut telah pindah apabila |

| | | |
|---------------|-------------------|--|
| | | <p>diperintahkan oleh Sultan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dahulu dikatakan tanah di kampung tersebut dibahagikan oleh penduduk kampung dengan sendirinya dimana mereka perlu menebang hutan dan membuat sepadan rumah dengan jarak pokok ke pokok. ● Ketika British datang, mereka diarahkan untuk mengambil geran untuk lebih teratur. |
| 32:35 - 55:36 | Corak Pentadbiran | <ul style="list-style-type: none"> ● Ketua kampung pada zaman dahulu dipanggil sebagai Tok Komuniti atas pengaruh orang putih. ● Lantikan penghulu dahulu adalah daripada Sultan. ● Jawatan ketua kampung dan jawatan penghulu dari kalangan orang Melayu manakala orang Cina diber jawatan ketua masyarakat. ● Di Jementah terdapat rumah penghulu dan balai penghulu, hanya penghulu tertentu yang mendapat kemudahan tersebut. ● Beliau bersetuju dengan pernyataan bahawa corak pentadbiran sekarang adalah lebih baik daripada dahulu kerana ketua kampung dahulu tidak berfikiran terbuka dan di kalangan mereka ada yang tidak pandai menulis dan membaca. ● Ketika British memerintah, British melarang orang Melayu menanam getah dan orang Melayu dikerahkan untuk |

| | | |
|--|--|---|
| | | <p>menoreh getah di estate mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kedai toddy juga dibuka oleh British untuk pelanggan India pada waktu dahulu. ● Penghulu Kuntum juga dikenali sebagai Mat Ali dilantik oleh Sultan untuk menjadi penghulu Kampung Kubu Dedap. |
|--|--|---|

Bahagian 2

| MASA (MINIT) | DESKRIPSI | PERKARA |
|---------------------|---|---|
| 55:43 - 1:10:34 | Aktiviti Ekonomi Masyarakat di Awal Pembukaan | <ul style="list-style-type: none"> ● Orang dahulu menyara hidup dengan menanam padi dan menoreh getah. ● Terdapat tiga estate berdekatan dengan kampung tersebut iaitu Welch Estate, Narappa Estate dan United Estate. ● Ramai orang berminat untuk bekerja estate kerana di estate mereka akan diberikan rumah, bekalan elektrik dan air. ● Estate yang dipegang oleh British diurus oleh Mat Salleh manakala Welch estate dari pengurus hingga orang bawah adalah orang Melayu. ● British dahulu bijak, dia memberi kan RM180 kepada wanita mengandung untuk tujuannya apabila anak itu sudah besar, anak itu akan kerja di bawah British. |

| | | |
|-------------------|--|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> ● Dulu awal tahun ‘70 nilai mata wang tinggi, di mana gaji kerani RM137.50 sudah mampu untuk membeli Vespa, juruteknik rendah RM90 dan budak pejabat RM60. ● Gaji guru juga tinggi tetapi mengikut taraf pendidikan seperti LCE RM180, MCE RM210 dan Language Institute RM310. ● Boleh dikatakan pada zaman dahulu keseluruhannya kerajaan, swasta hanyalah bekerja di estate. Kerajaan seperti PWD, DID, Town Board Local Council dan lain-lain. ● Pengangkutan utama pada zaman dahulu adalah kereta lembu dan basikal. |
| 1:10:35 - 1:14:45 | Aktiviti Sosial dan Gaya Hidup Masyarakat di Awal Pembukaan. | <ul style="list-style-type: none"> ● Dari segi agam amat kurang, surau digunakan ketika bulan puasa sahaja. ● Kalau kerja kahwin, dahulu amat meriah kerana mereka akan bergotong-royong bagi melaksanakan majlis perkahwinan tersebut. ● Setiap penduduk akan membawa sedikit makanan, lampu gas dan macam-macam lagi agar dapat meringankan beban si pembuat majlis. ● Dahulu masih tiada lagi balai raya untuk penduduk berhimpun atau bermesyuarat. |
| 1:14:46 - 1:19:44 | Maklumat Menarik di Lokaliti | <ul style="list-style-type: none"> ● Beliau berkata remaja sekarang masih ramai yang tidak tahu tentang sejarah Kampung Kubu Dedap. Sebagai contoh, sejarah tentang kematian Panglima Xin |

| | | |
|----------------------|------------------------------------|---|
| | | <p>Cu di mana beliau mati di Sarip Jail.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Tokoh pernah melihat keris dan gong yang dimiliki oleh datuk dan neneknya. Akan tetapi tiada lagi tinggalan sejarah dari Kampung Kubu Dedap. ● Mengikut sejarah, kawasan Kampung Kubu Dedap bermula dari simpang masuk kampung tersebut sehingga pertengahan kampung, selepas kubu sedikit bermakna kawasannya tidak besar. ● Apabila persempadanan dibuat setelah Merdeka, kawasan nya diluaskan sehingga masjid di hadapan. ● Itu menjadi punca ketua kampung Sungai Siput berkongsi dengan Kubu Dedap, dua kawasan tetapi satu ketua kampung. ● Walaupun ketika itu mereka berbilang kaum, tidak ada lagi kes perbalahan antara kaum. |
| 1:19:45 - 1:27:11 | Pembangunan dan Kemajuan Semasa | <ul style="list-style-type: none"> ● Tahun 1960, kerajaan bukak tanah di Sengkang Legeh, di Bukit Caling, untuk orang kampung. ● Surau yang asal dibina daripada kayu bulat, atap daun kemudian ditukar kepada separuh batu separuh papan. Lalu juga dirobuhkan, dan surau batu dibuat pada tahun 1991. ● Kerajaan ada memberikan Wi-Fi kepada penduduk kampung tetapi sementara sahaja. |

| | | |
|--|--|--|
| | | <ul style="list-style-type: none">● Beliau berkata penduduk kampung mengalami kekurangan dari segi elektrik dan air dimana bekalan air mereka dipindahkan dari Sungai Gunung Ledang ke Sungai Kapeh.● Kawasan kampung tersebut hanya mengalami banjir kilat setakat ini.● RISDA memberi bantuan AET kepada penduduk kampung sebanyak RM10,000 manakala MPOB kurang member bantuan di kawasan mereka. Bantuan lain daripada RISDA adalah bantuan musim tengkujuh, bantuan baja dan lain-lain. |
|--|--|--|

7.0 RALAT

1. Bunyi burung berkicauan
2. Bunyi berdecik
3. Bunyi Tuan Haji batuk
4. Bunyi motorsikal lalu
5. Bunyi jam
6. Bunyi cawan dan air dituang
7. Bunyi benda berlaga dengan meja
8. Bunyi Tuan Haji hampir bersin
9. Bunyi siren ambulans
10. Bunyi telefon bimbit bergetar
11. Bunyi bisikan

8.0 GLOSARI

| A |
|---|
| <p>Anggota Seorang/beberapa orang yang mengikuti suatu perkumpulan atau kelompok dan berperan dalam tugas yang sudah dimandatkan kepadanya</p> <p>Atap Bahagian paling atas sesebuah bangunan yang dibina untuk memberikan perlindungan bangunan daripada hujan, salji, angin dan suhu melampau serta cahaya matahari</p> |
| B |
| <p>Belerang Unsur kimia yang memiliki bau menyengat dan biasanya ditemukan di gunung berapi</p> <p>Bunian Makhluk halus atau orang halus yang tinggal di hutan</p> <p>Berkicauan Bunyi burung seperti burung murai</p> |
| C |
| <p>Citer Cerita ataupun kisah</p> <p>Cita-cita Harapan, hasrat, keinginan (yang kuat)</p> |
| D |
| <p>Dedap Sejenis tumbuhan</p> <p>Denai Jalan kecil atau lorong di dalam hutan</p> <p>Dusun Satu kebun buah-buahan atau makanan yang agak besar</p> |
| E |
| <p>Empangan Halangan merentangi air yang mengalir yang menghalang, mengarah atau melambatkan aliran, seringkali menghasilkan takungan air</p> <p>Estate Tanah milik</p> |
| F |
| FELCRA |

| |
|---|
| Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah |
| G |
| <p>Gambut Sebuah lahan basah yang tercipta dari timbunan material organik berupa sisa-sisa pohon, rerumputan, lumut dan jasad hewan-hewan</p> <p>Geran Dokumen bukti pemilikan secara rasmi yang dikeluarkan kerajaan</p> <p>Genting Kepingan yang leper atau melengkung</p> |
| H |
| <p>Hala tuju Sesuatu yang ingin dicapai dan dilaksanakan oleh seseorang</p> |
| J |
| <p>Jawa Suku bangsa yang berasal atau mendiami sebagian besar pulau jawa</p> |
| K |
| <p>Kubu Pagar drpd kayu dan tanah utk menahan serbuan</p> <p>Komunis Masyarakat tanpa kelas dan tanpa negara</p> |
| L |
| <p>Lisan Sesuatu yang diucapkan</p> <p>Lalang Tumbuhan (rumput yg tinggi)</p> |
| M |
| <p>Maling Orang yang mengambil milik orang lain secara sembunyi-sembunyi, pencuri</p> <p>Mata-mata Seseorang yang menjadi pengintip</p> |
| P |
| <p>Petani Orang yang menguruskan kebun atau ladang dan menjalankan penternakan Binatang</p> <p>Penjajah Negeri (bangsa) yang menjajah</p> |

Paya

Semua jenis tanah berlumpur diperbuat secara semulajadi

Perahu

Sejenis kenderaan air yang biasanya lebih kecil dari kapal

Perigi

Sebuah lubang yang digali ke dalam tanah untuk mendapatkan air tanah.

Penghulu

Ketua tertinggi di sebuah mukim; Ketua kampung

R**Rumbia**

Palma yg menghasilkan sagu

T**Tokoh-tokoh**

Pelaku Cerita

Titi

Laluan melintas sempit bagi menyeberangi parit, atau longkang, atau anak sungai

Tembok

Dinding yang dibuat daripada batu bata dan lain-lain

U**Ubat bedil**

Bahan ledakan untuk peluru senapang, meriam

9.0 INDEKS

A

artifak, 6, 15, 67, 90

B

balai, 28, 39, 40, 41, 62, 64, 65, 66, 81, 83, 90, 99, 104

bantuan, 76, 85, 90

british, 7, 22, 35, 48, 55, 81, 82, 90

bumiputera, 56, 57, 90

D

daif, 47, 64, 90

dedap, 3, 4, 5, 6, 8, 9, 10, 15, 16, 17, 18, 19, 26, 28, 66, 68, 69, 70, 73, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 87, 90, 93, 96, 98, 99, 106

E

estate, 18, 46, 48, 49, 50, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 59, 71, 82, 83, 87, 90

G

gaji, 6, 41, 46, 57, 58, 59, 60, 83, 90

geran, 33, 34, 35, 36, 37, 81, 88, 90

getah, 4, 5, 6, 8, 48, 51, 52, 55, 56, 59, 71, 72, 76, 77, 81, 82, 90, 96, 97, 105

J

jawatan, 38, 39, 54, 60, 81, 90

jementah, 3, 8, 16, 20, 25, 26, 28, 39, 41, 66, 70, 71, 80, 81, 90, 93

K

kereta lembu, 20, 21, 22, 60, 61, 62, 83, 90

ketua kampung, 37, 38, 39, 48, 69, 70, 74, 81, 84, 89, 90

komunis, 28, 29, 42, 55, 57, 71, 88, 90

L

lalang, 28, 63, 88, 91

M

merdeka, 37, 49, 50, 53, 56, 65, 69, 84, 91

O

orang putih, 18, 34, 36, 38, 41, 48, 49, 50, 53, 56, 57, 59, 81, 91

P

padi, 16, 35, 48, 51, 52, 59, 79, 82, 91

panglima, 25, 26, 27, 66, 80, 83, 91

paya, 8, 23, 24, 27, 31, 39, 48, 73, 80, 89, 91

penghulu, 6, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 51, 81, 82, 89, 91, 103

penjajah, 7, 22, 48, 56, 57, 88, 91

perang, 4, 6, 15, 17, 20, 22, 25, 26, 27, 66, 70, 80, 91

S

sultan, 6, 22, 30, 31, 38, 41, 49, 51, 70, 81, 82, 91

sungai, 16, 27, 29, 61, 62, 69, 70, 74, 75, 79, 84, 85, 89, 91

surau, 6, 62, 72, 73, 74, 83, 84, 91, 106

T

tanah, 4, 6, 14, 15, 20, 24, 30, 33, 35, 36, 37, 43, 45, 47, 49, 71, 72, 81, 84, 87, 88, 89, 91

10. BIBLIOGRAFI

Pearce-Moses, R. (2005). *A glossary of archival and records terminology*. *Western Libraries* (2nd ed.). The Society of American Archivists. Retrieved June 13, 2023, from https://libguides.wvu.edu/heritageresources_oralhistories.

Dunaway, D. K., & Baum, W. K. (1984). *Oral history: An interdisciplinary anthology*. American Association for State and Local History in cooperation with the Oral History Association.

Lin, Seow. (2020). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ?. doi : 10.13140/RG.2.2.27531.31527.


Haron, N. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian Sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44–58.

Mohamad Saad, S. R., Jan Mohamad, R. B., Che Jaafar, C. R., & Wan Jan, N. A. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN. *Jurnal PPM*, 6, 63–76.

Hassan, Mohd. A. (1974). Tradisi Lisan-Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia. *Akademika*, 4, 35.

11.0 LAMPIRAN

11.1 Bibliografi Pengkisah



| | |
|-----------------------|---|
| NAMA : | Tuan Haji Ariff bin Haji Abu Hassan |
| TARIKH LAHIR : | 25.2.1950 |
| TEMPAT LAHIR : | Jementah, Segamat |
| ALAMAT : | TL-3, Kampung Kubu Dedap, 85200 Jementah, Johor |
| NO TELEFON : | 0127115483 |
| EMEL : | Tiada |
| PROFESION : | Petani |

11.2 Surat Perjanjian

| | |
|--|--|
| www.johor.uitm.edu.my | |
| Bidang Pengurusan Maklumat <i>Study of Information Management</i> | Universiti Teknologi MARA Johor Km. 12, Jalan Muar 85009 Segamat Johor Darul Ta'zim Tel: 07-9352302 Faks: 07-9352450 |
| |  UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA |
| | Rujukan : 100UITMJ(HEA/FPM.9/10/7) Tarikh : 9 MEI 2023 |

HAJI ARIFF BIN HAJI ABU HASSAN

Pengkisah Sejarah Tempatan

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK – SEJARAH LISAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Johor berbesar hati untuk menemubual pihak tuan/puan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik Sejarah Lisan yang bertemakan '**Segar Amat Bumi Bertuah**'

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral History Documentation**" (IMR604).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:-

| NAMA PELAJAR | NOMBOR PELAJAR |
|--------------------------------------|----------------|
| NURIN MUSSALMI BINTI MUHAMMAD SOFIAN | 2022793821 |
| NURUL 'ATHA ADDINA BINTI RAJAH | 2022923937 |

5. Untuk makluman pihak tuan/puan, objektif kerja kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah dan teknik pelaksanaan sejarah lisan di samping **mengumpulkan kisah-kisah dan maklumat sejarah tempatan** untuk rujukan di masa akan datang. Temubual ini tidak akan melibatkan sebarang bentuk ganjaran daripada pihak kami. Mohon juga pihak tuan/puan supaya menandatangani **PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN** seperti yang dilampirkan.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



AZURA ABDUL JAMIL @ KAMARUDZZAMAN

Pensyarah Kanan

b.p Ketua Pusat Pengajian Bidang Pengurusan Maklumat
Kolej Pengkomputeran, Informatik & Media



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Haji Ariff B. Haji Abu Hassan K/P: 500225-01-5488 pada 21/5/23 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh Ariff B. Abu Hassan)
Tarikh: 21/5/23

(Nama pensyarah Azura Binti Kamaruazzaman)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.3 Senarai Soalan

LATAR BELAKANG PENGKISAH

- Siapakah nama penuh tuan haji?
- Berapakah umur tuan haji?
- Bilakah Tarikh lahir tuan haji dan tempat lahir tuan haji?
- Apakah pekerjaan sebenar tuan haji?
- Siapakah nama isteri tuan haji?
- Tuan haji mempunyai berapa orang anak?
- Apakah cita cita tuan haji yang sebenar?
- Apakah pencapaian tertinggi yang tuan haji pernah miliki ?
- Apakah yang menyebabkan tuan haji begitu mengingati sejarah kampung kubu dedap sehingga kini?
- Bagaimanakah tuan haji boleh terlibat dalam persatuan sejarah ini?

Bahagian 1

Asal-usul pembukaan

- Bilakah Tarikh sebenar kampung ini dibuka?
- Siapakah pengasas pertama kampung ini?
- Bagaimanakah boleh terciptanya kampung ini?
- Adakah tuan haji mengetahui bagaimana pengasas itu boleh memilih tempat ini untuk dijadikan sebagai sebuah perkampungan?

Kisah di sebalik nama

- Siapakah yang memberikan nama kepada kampung ini?
- Bagaimana terciptanya nama kampung kubu dedap ini?
- Apakah nama itu begitu unik sehingga dikekalkan atau mungkin ada nama lain bagi kampung ini yang mungkin orang luar tidak mengetahui perihalnya?

Tokoh perintis

- Apakah nama tokoh perintis yang pertama di kampung ini?
- Adakah tuan haji mengetahui bagaimana beliau boleh digelar sebagai tokoh perintis?
- Bolehkah tuan haji menceritakan sedikit berkenaan tokoh tersebut dan mungkin ada tokoh lain yang masih dijadikan sumber rujukan sehingga kini?

Keadaan / suasana di awal pembukaan

- Bolehkah kami tahu bagaimana keadaan kampung ini semasa di awal pembukaan?
- Siapakah yang terlibat dalam pembukaan kampung ini?
- Berapa ramai orang atau penduduk kampung yang ada semasa di awal pembukaan?
- Adakah berlakunya kejadian-kejadian pelik semasa pembukaan kampung ini?
- Suasana pertama semasa pembukaan adakah meriah sekali?
- Siapa sahaja yang hadir semasa pembukaan kampung ini?

Corak pentadbiran

- Apakah tuan haji mengetahui berkenaan corak pentadbiran terdahulu?
- Apakah corak pentadbiran dahulu dan sekarang mempunyai perbezaan yang ketara?
- Bolehkah tuan haji ceritakan bagaimana pemimpin dahulu mentadbir kampung ini sehingga boleh dikekalkan kampung ini sehingga kini?
- Adakah tuan haji setuju jika orang diluar lebih setuju terhadap corak pentadbiran yang ada sekarang ini lebih baik?

Bahagian 2

Aktiviti ekonomi masyarakat di awal pembukaan

- Bagaimanakah ekonomi masyarakat pada waktu dahulu sebelum ada kemajuan di kawasan ini ?
- Adakah nilai wang dahulu mencukupi untuk menampung kegiatan seharian seperti sekarang ?
- Adakah sektor pekerjaan dahulu sama seperti sekarang dimana terdapat swasta dan kerajaan ?
- Apakah kenderaan yang digunakan oleh masyarakat orang dahulu ?

Aktiviti sosial/gaya hidup masyarakat di awal pembukaan

- Bagaimanakah gaya hidup masyarakat semasa awal-awal dahulu ?
- Adakah terdapat hari dimana penduduk boleh berkumpul seperti gotong royong ?
- Jika ada majlis perkahwinan, bagaimanakah suasana ketika itu ?
- Adakah dahulu terdapat balai raya yang penduduk boleh bermesyuarat tentang keadaan kampung ?

Lain-lain kisah atau maklumat menarik di lokaliti

- Ada ke cerita-cerita yang orang luar masih belum ketahui tentang Kg Kubu Dedap ?
- Masih adakah tinggalan sejarah dari waktu dahulu seperti kubu atau lain-lain ?
- Kg Kubu Dedap ini merangkumi kawasan dari mana ke mana ?
- Ada berlaku sebarang pertelingkahan penduduk antara kaum ketika itu ?

Pembangunan dan kemajuan semasa

- Apakah pembangunan yang telah dimajukan di kawasan ini ?
- Adakah terdapat infrastruktur yang diberikan oleh kerajaan sekarang seperti Wi-Fi?
- Sekarang masih terdapatkah masalah seperti terputus bekalan air atau elektrik ?
- Adakah inisiatif oleh kerajaan untuk lagi memajukan kawasan ini pada masa akan datang?

11.4 Diari Penyelidikan

| TARIKH | MASA | LOKASI | KATEGORI | PERKARA DAN TINDAKAN |
|------------------|----------------------------|--------|--------------|---|
| 30 Mac 2023 | 10 a.m - 12 p.m | SL 120 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Membincangan mengenai tugas IMR 604. • Maklumat diterangkan oleh pensyarah. |
| 6 April 2023 | 10 a.m - 12 p.m | SL 120 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan dibentuk bersama antara pengajar dan pelajar. • Pengajar membuat google drive bagi berkongsi maklumat penting bersama pelajar. |
| 13 April 2023 | 10 a.m - 12 p.m | SL 120 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Pengajar menyenaraikan nama tokoh-tokoh yang bakal di jumpai. • Segala maklumat berkaitan tokoh diberikan seperti nama, alamat rumah dan nombor telefon. |
| 20 April 2023 | 9.30 a.m - 12.30 p.m | N-163 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Tokoh yang terpilih ialah Tuan Haji Ariff di Kampung Kubu Dedap. • Berbincang mengenai bila dan di mana hendak menghubungi tokoh tersebut. |
| 11 Mei 2023 | 10 a.m - 12 p.m | SL 120 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan bersama tentang cara-cara hendak |

| | | | | |
|-------------|---------------------------|--------------------|--------------------|---|
| | | | | <p>memulakan ayat ketika menghubungi tokoh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat-ayat itu diberikan oleh Puan Azura. |
| 14 Mei 2023 | 9 p.m- 10 p.m | N-163 | Kajian Awal | <ul style="list-style-type: none"> • Meminta persetujuan dengan ahli kumpulan tentang masa untuk menghubungi tokoh tersebut. |
| 16 Mei 2023 | 2 p.m - 2.15 p.m | N-163 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang bersama tokoh berkaitan tarikh dan masa yang sesuai untuk ditemubual. |
| 18 Mei 2023 | 10 a.m - 12 p.m | SL 120 | Kajian Awal | <ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah menanyakan kepada kumpulan yang sudah pergi berjumpa tokoh untuk ditemubual. |
| 21 Mei 2023 | 2.30 p.m - 5.30 p.m | Rumah Pengkisah | Temubual Sesi 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Sesi berjumpa tokoh bermula. • Menanyakan soalan-soalan yang sudah dibuat kepada tokoh. • Meminta izin untuk menghubunginya lagi. |
| 8 Jun 2023 | 10 a.m - 12 p.m | SL 120 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang untuk temubual penuh bagi sesi perjumpaan kali kedua. |
| 14 Jun 2023 | 8.30 a.m- 12p.m | N-163 | Perbincangan | <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang bersama ahli kumpulan atau pasangan berkaitan tarikh dan masa |

| | | | | |
|-------------|---------------------|-----------------|------------------|---|
| | | | | <p>sesuai untuk menghubungi tokoh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyiapkan soalan penuh bagi sesi temubual dijalankan. |
| 21 Jun 2023 | 3.30 p.m - 6.30 p.m | Rumah Pengkisah | Temubual Sesi 2 | <ul style="list-style-type: none"> • Sesi temubual dijalankan. • Tokoh sangat teruja menceritakan pengalaman beliau dan sejarah yang beliau tahu. • Tokoh sangat berfikiran terbuka dan menyenangi kehadiran kami. |
| 22 Jun 2023 | 4.30 p.m | N-163 | Penyiapan Projek | <ul style="list-style-type: none"> • Permulaan penyiapan projek dimulai sehingga tarikh akhir projek ini pada 20 Julai 2023. |

11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan




Gambar percakapan melalui Whatsapp




Gambar rakan sekelas Tuan Haji Ariff




Rumah Penghulu



Balairaya Penghulu




Kawasan tapak kubu



Tapak Kubu



Kebun getah



Surau Kampung Kubu Dedap